





● BIL 289 ● 22 - 28 NOVEMBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

ILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

GAH DI PERSADA DUNIA *Lawatan PMX ke luar negara*

➤➤ 2-3

**Dr Hafidzah
tidak gentar**
➤➤5

**DBKL menang
di SDG City Awards**
➤➤6

**Antibuli perlu
undang-undang khas**
➤➤9-11

Lawatan ke empat buah negara

IMPAK POSITIF KEPADA EKONOMI

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL MOHAMED

LAWATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke empat buah negara iaitu Mesir, China, Peru dan Brazil dilihat memberi impak yang sangat positif kepada Malaysia khususnya dalam sektor ekonomi.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), **Profesor Datuk Dr Kasim Mansor** berkata keempat-empat negara ini mempunyai kekuatan ekonomi yang Malaysia perlukan selain kaya dengan sumber-sumber di mana Malaysia tidak mempunyai sumber tersebut.

"China merupakan gergasi ekonomi dunia yang sekarang ini telah menunjukkan prestasi yang sangat mengagumkan khususnya dalam perdagangan antarabangsa. Manakala Lima di Peru merupakan kota yang terletak di benua Latin Amerika antara yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi terbaik.

"Lima dan Rio de Janeiro juga adalah pusat pelancongan yang strategik di Amerika Latin, kaya dengan peninggalan sejarah yang mungkin boleh mengambil manfaat dalam konteks sektor pelancongan. Lima antara ibu kota terbesar Brazil selepas Sao Paulo.

"Peru pula sebuah negara yang kaya dengan sumber asli dalam sektor perlombongan dan Malaysia boleh memanfaatkan sektor ini dan menjangkakan lebih banyak kerjasama pemain-pemain industri perlombongan antara dua negara. Dalam konteks Malaysia, Sabah dan Sarawak dijangka mendapat manfaat yang banyak dalam sektor perlombongan hasil daripada lawatan ini," katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Selasa.

Menjelang lanjut, Kasim yang juga Pakar Kewangan Antarabangsa berkata antara sektor ekonomi utama

Malaysia yang dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan pelaburan asing hasil lawatan tersebut termasuklah sektor industri halal, semikonduktor, perdagangan dan pelaburan antarabangsa, tenaga hijau dan kelestarian.

"Misalnya lawatan ke Brazil, menekankan potensi besar dalam memperkukuhkan industri halal. Diskusi dua hala di Brazil termasuk promosi sektor ini sebagai salah satu peluang strategik untuk pelaburan dan perdagangan antarabangsa.

"Sektor semikonduktor juga menjadi fokus dalam perbincangan dengan pemain industri di Brazil. Peluang pelaburan dalam teknologi ini selaras dengan agenda Malaysia untuk menjadi pemain utama dalam rantai bekalan global semikonduktor," katanya.

Katanya, lawatan ke China dan Kaherah dilihat memanfaatkan hubungan diplomatik yang kukuh untuk meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) terutama dalam sektor pembinaan infrastruktur dan teknologi hijau.

"Dalam lawatan ke Sidang Kemuncak G20 di Brazil, tema utama adalah pembangunan mampan. Ini termasuk peluang pelaburan dalam tenaga bersih, sejajar dengan komitmen global Malaysia terhadap perubahan iklim dan kelestarian ekonomi," katanya.

Menurut Kasim, Malaysia memiliki potensi yang signifikan untuk menarik pelaburan jangka panjang dalam industri seperti semikonduktor, aeroangkasa dan kenderaan elektrik (EV) berdasarkan beberapa faktor utama.

"Antaranya adalah disebabkan Malaysia sudah menjadi pemain utama dalam rantai bekalan global semikonduktor dan menyumbang



ANWAR mengadakan kunjungan rasmi ke atas Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zegarra di Istana Kerajaan di Lima.

Foto: FATHRIZAL/Pejabat Perdana Menteri

hampir 13 peratus kepada perdagangan global sektor ini selain zon perindustrian seperti di Pulau Pinang dan Kulim telah menarik pelaburan besar daripada syarikat multinasional terkemuka.

"Kerajaan terus memperkukuh insentif, termasuk Elaun Cukai Pelaburan dan Elaun Modal untuk mendorong pelaburan berteknologi tinggi. Faktor kekuatan dan daya tarikan yang tersedia ada di Malaysia menjadi pemangkin kepada hubungan dengan negara-negara yang dilawati. Malaysia memiliki infrastruktur yang maju dan ekosistem sokongan industri yang mantap, bekalan tenaga kerja mahir melalui program kerjasama pendidikan dengan institusi seperti MIDA dan universiti teknikal serta hubungan diplomatik kukuh yang membuka peluang perjanjian perdagangan," katanya.

Tambah beliau, sektor aeroangkasa Malaysia juga berkembang pesat dan ia didorong oleh Pelan Tindakan Aeroangkasa

Malaysia 2030, yang bertujuan menjadikan negara ini sebagai hab aeroangkasa serantau termasuk pelaburan sedia ada daripada syarikat seperti Airbus dan Rolls-Royce telah menonjolkan keupayaan Malaysia untuk menyokong pengilangan komponen dan penyelenggaraan, pembaikan serta baik pulih (MRO).

Selain itu, Kerajaan MADANI juga giat mempromosikan sektor EV melalui insentif cukai seperti pengecualian cukai jualan dan import untuk EV sepenuhnya sehingga 2025.

"Dengan sokongan Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon, pelaburan dalam stesen pengecasan dan pembuatan bateri telah meningkat selain permintaan pengguna yang semakin meningkat terhadap EV serta sokongan kerajaan melalui pelaburan infrastruktur dan dasar mesra alam serta potensi Malaysia sebagai hab serantau untuk eksport EV ke ASEAN dan seterusnya," katanya.

Sementara itu, Kasim berkata penyertaan Malaysia dalam Sidang Kemuncak APEC mempunyai potensi besar untuk meningkatkan hubungan ekonomi dengan negara anggota lain melalui beberapa aspek utama terutamanya dalam perdagangan dan pelaburan.

"APEC, dengan 21 negara anggota, menyumbang lebih 60 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global dan hampir separuh daripada perdagangan dunia. Penyertaan Malaysia menawarkan peluang untuk Penghapusan Halangan Perdagangan yang bertujuan mengurangkan tarif dan mempromosikan perdagangan bebas sekali gus menguntungkan eksport utama Malaysia seperti elektronik, kelapa sawit dan produk perkilangan.

"Malaysia juga dapat mengakses pasaran yang lebih luas, terutamanya di Amerika Latin dan Pasifik yang menawarkan potensi besar untuk barangan seperti produk halal dan teknologi hijau," katanya.

Anwar menonjol di pentas dunia

LAWATAN rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke luar negara disifatkan sebagai lawatan perhubungan awam (*public relation*) yang membawa kesan jangka masa panjang yang positif kepada negara," ujar Pakar Ekonomi, **Profesor Emeritus Dr Barjoyai Bardai**.

Beliau berpandangan dengan adanya lawatan, maka hubungan diplomatik antara negara dapat diperkukuh sekali gus memberi kesan ekonomi yang baik.

"Melalui pendekatan ini, menjadikan beliau semakin dikenali di seluruh dunia dan dalam masa sama dapat terus meneroka lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi.

"Bukan hanya menjalinkan

hubungan yang rapat di antara Perdana Menteri dan Perdana Menteri, tetapi beliau berjaya menarik minat negara-negara luar untuk melabur serta memberikan komitmen.

"Misalnya lawatan tiga hari ke Pakistan pada Oktober lalu turut memberikan komitmen untuk meningkatkan import minyak kelapa sawit dan sebagainya dari Malaysia," ujar beliau kepada Wilayahku.

Menepis dakwaan sesetengah pihak yang menganggap Perdana



BARJOYAI

Menteri kali ini gemar 'makan angin', Barjoyai berkata, setiap Perdana Menteri mempunyai gaya yang berbeza dan tidak boleh disalahertikan.

"Disebabkan beliau sering terlibat dalam rangka lawatan rasmi, maka kita sendiri dapat lihat beliau mempunyai ramai kenalan dalam kalangan pemimpin-pemimpin besar dunia.

"Ia berbeza jika dibandingkan dengan sesetengah pemimpin sebelum ini yang lebih dilihat sebagai Perdana Menteri tempatan

sampaikan negara luar tak kenal," ujarnya.

Tambah beliau yang merupakan pakar dari Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST), tindakan Anwar menjadikan beliau seorang pemimpin yang menonjol dan membawa pelaburan besar kepada negara.

Mengulas lanjut, beliau berkata Malaysia mempunyai prospek yang besar dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) dan semikonduktor di mana industri E&E yang diperkenalkan di negara ini sejak 1970-an menjadi penyumbang besar kepada ekonomi negara.

"Sektor semikonduktor menjadi tonggak penting selain sektor

perkilangan, barang-barang pengeluaran kerana kita telah mempunyai teknologi yang kukuh untuk mengeluarkan peralatan kilang dan sebagainya.

"Sektor semikonduktor merupakan tulang belakang teknologi kita, selain itu, dalam bioteknologi dan kesihatan, kita juga membangun dengan cepat, di mana dapat dirumuskan kita sedang maju ke hadapan," ujarnya.

Terdahulu, dalam lawatan ke Brazil, Anwar menggesa industri E&E dan semikonduktor Malaysia dan Brazil memanfaatkan kekuatan satu sama lain serta meningkatkan kerjasama berikutan Selatan Global memainkan peranan penting.



ANWAR bersama Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva ketika lawatan di Sidang Kumpulan 20 (G20) 2024. Foto: FB Anwar Ibrahim

Pembangunan projek pelaburan

ALIRAN MASUK BERSIH RM40.4 BILION

KEMASUKAN pelaburan asing yang dimeterai hasil lawatan delegasi Malaysia ke luar negara diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi kesan penting terhadap kedudukan imbalan pembayaran negara.

Pelaburan asing yang diluluskan akan melibatkan pengaliran modal masuk bagi tujuan pembangunan projek pelaburan yang merekodkan aliran masuk bersih RM40.4 bilion ke dalam akaun kewangan negara pada tahun lalu.

Malah aktiviti sepanjang projek pelaburan berlangsung iaitu mengimport input dan barangan pengantara yang digunakan di dalam proses pengeluaran serta mengeksport output yang dihasilkan mencapai lebih sebanyak RM22.8 bilion seperti yang direkodkan ke dalam akaun semasa bagi tahun yang sama.

Pakar ekonomi kewangan dan antarabangsa, **Profesor Madya Dr Mohd Naseem Niaz Ahmad** berkata momentum yang ditunjukkan itu dapat memberikan kesan positif pada imbalan pembayaran negara.

"Ini juga mencerminkan bahawa ekonomi negara berada pada tahap yang memberangsangkan dan mampu untuk menguruskan perbelanjaan luar negara dengan baik.

"Keadaan ini sekali gus dapat menghindarkan negara daripada berdepan krisis imbalan pembayaran seperti yang dialami oleh Sri Lanka," katanya kepada Wilayahku.

Mohd Naseem berkata, ini jelas

menunjukkan usaha menarik pelaburan asing melalui lawatan ke negara luar memainkan peranan yang penting terhadap prestasi ekonomi negara.

Katanya, peningkatan keyakinan pelabur ini membuktikan Malaysia mempunyai persekitaran perniagaan kondusif dan berdaya maju.

"Pasaran buruh dengan tenaga kerja yang boleh dilatih dan kedudukan strategik dalam rantaian bekalan serantau dan global membolehkan Malaysia mencipta pelbagai peluang dalam meraih pulangan dan keuntungan pelaburan yang baik.

"Oleh itu, risiko dan implikasi kewangan dalam meneroka peluang ekonomi antara negara adalah satu prinsip yang perlu diterima dalam usaha untuk menjana ekonomi skala bagi memastikan pertumbuhan ekonomi

yang berterusan kerana *the greater the risk, the greater the return*," katanya.

Selain itu beliau berkata, amalan bagi pemimpin sebuah negara untuk mengadakan lawatan rasmi atau menghadiri persidangan antarabangsa ke negara-negara luar merupakan platform penting dalam mengukuhkan hubungan diplomasi, keselamatan, pendidikan dan budaya antara negara.

Ini juga katanya, menjadi inisiatif terbaik bagi merintis kepelbagaian peluang ekonomi rentas sempadan yang mampu membawa kesan pengganda terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

"Ini jelas sepertimana dapat

diterjemahkan Perdana Menteri melalui siri lawatannya ke beberapa buah negara sejak memegang tampuk pemerintahan negara pada November 2022, yang mana berjaya merekodkan potensi pelaburan bernilai RM436.2 bilion sehingga Oktober 2024.

"Ia menunjukkan dalam tempoh masa yang singkat, Misi Penggalakan Pelaburan yang direncana hasil usahasama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bersama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berjaya mengikat komitmen pelaburan yang merangkumi beberapa sektor utama ekonomi antaranya elektrik dan elektronik (semikonduktor), kimia (petrokimia dan produk kimia) dan ekonomi digital (Pusat Data)," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh MIDA, jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan pada tahun lalu adalah berjumlah RM188.4 bilion berbanding RM163.3 bilion pada 2022 iaitu peningkatan sebanyak 15.4 peratus.

Jumlah ini katanya, disasarkan untuk terus meningkat pada tahun ini apabila jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan dari Januari sehingga Jun 2024 mencatatkan RM74.6 bilion atau peningkatan kira-kira sebanyak 18 peratus bagi tempoh sama tahun lalu.

Katanya, laba daripada peningkatan berterusan ini sudah pasti dapat memacu terus pembangunan ekonomi negara dengan jumlah projek keseluruhan yang telah diluluskan setakat Jun 2024 adalah sebanyak 2,948 dengan Austria, Singapura dan China merupakan penyumbang utama dengan kapasiti pelaburan masing-masing sebanyak RM30.1 bilion, RM16.5 bilion dan RM9.5 bilion.

Potensi lonjakan eksport

LAWATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke beberapa buah negara bersama delegasi Malaysia merupakan lawatan untuk mengukuhkan hubungan diplomatik antara negara dalam pelbagai aspek.

Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaya (UM), **Dr Elya Nabila Abdul Bahri** berkata hubungan diplomatik dua hala adalah sangat penting untuk pembangunan sesebuah negara dari segi pelaburan, perdagangan, keselamatan dan keharmonian antara negara.

"Lawatan Perdana Menteri ke Mesir baru-baru ini misalnya, menjana potensi eksport bernilai RM4.8 bilion dan lawatan beliau ke Peru juga membuka potensi eksport bernilai RM1.24 bilion," katanya.

Menurut Elya, potensi lonjakan eksport itu sebagai langkah mitigasi menangani lebihan dagangan negara yang semakin menguncup.

Katanya, lawatan Perdana Menteri bersama delegasi Malaysia ke China juga memperkukuhkan hubungan baik di mana China menjadi rakan dagang terbesar Malaysia.

"Bahkan pelabur dan syarikat China dilihat semakin berminat terhadap Malaysia. Sehingga September lalu, jumlah dagangan dengan China yang direkodkan adalah sebanyak RM355.15 bilion.

"Kehadiran Perdana Menteri ke Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2024 juga dapat mengukuhkan hubungan persahabatan antara negara sejajar dengan strategi laut biru," katanya.

Anwar berangkat ke beberapa negara bersama delegasi Malaysia antaranya Kaherah, Mesir, Lima, Peru, Brazil dan China.

Mengulas lanjut, Elya berkata lawatan Perdana Menteri dan delegasi Malaysia ke luar negara adalah kesinambungan dalam hubungan diplomatik yang terjalin sekali gus akan meningkatkan persefahaman dan keyakinan kepada Malaysia untuk negara luar melabur ke negara ini.

Beliau berkata untuk menarik minat negara luar ke Malaysia, negara perlu ke hadapan dengan mengadakan pertemuan bersama pemimpin utama antara negara.

"Negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik yang baik dengan Malaysia berkeyakinan untuk melabur ke negara ini untuk sektor bernilai tinggi seperti semikonduktor.

"Misalnya, pada tahun lalu, beberapa syarikat China berminat dalam perkhidmatan pembungkusan cip termaju yang ada di Malaysia," katanya.

Tambah Elya, lawatan Perdana Menteri ke China baru-baru ini juga telah mengadakan perbincangan secara produktif termasuklah berkaitan potensi kerjasama dalam pelaburan teknologi inovasi ke Malaysia bersama beberapa pelabur utama China.

Jelasnya, ini akan dapat memperkukuhkan sektor bernilai tinggi.

"Usaha ini juga selaras dengan sasaran pelaburan sebanyak RM500 bilion dalam industri semikonduktor," katanya.

Sementara itu, Elya berkata lawatan Perdana Menteri ke luar negara mencapai objektif, selaras dengan tindakan oleh kementerian-kementerian yang terlibat.

Namun katanya, pencapaiannya adalah berfasa kerana pelaburan merupakan aset jangka panjang.

"Misalnya, semasa lawatan Perdana Menteri ke Vientiane pada tahun ini, beberapa syarikat gergasi teknologi Amerika Syarikat menyatakan komitmen pelaburan berjumlah AS\$14.7 bilion.

"Lawatan Perdana Menteri ke 22 negara sejak November 2022 menjana potensi pelaburan RM436.2 bilion.

"Ini adalah sejajar dengan misi penggalakan pelaburan sepanjang tempoh ini yang merangkumi sektor ekonomi digital, elektrik dan elektronik dan kimia. Ini merupakan bukti hasil lawatan yang telah dilakukan," katanya.



ELYA NABILA

Video fitnah telah disunting

KONON TAK SELARI

KECOH dalam media sosial apabila terdapat segelintir netizen yang menuduh dan memfitnah kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebenarnya penyokong setia Israel.

Kata mereka, 'mulut kata kecam Israel, tetapi tangan memberi saham kepada Israel'. Tidak cukup dengan itu, ada yang mendakwa manusia yang suka bercakap bohong, lama-kelamaan akan 'kantoi' juga kerana dalam hatinya tidak selari dengan apa yang diucapkan.

Lebih 'panas' apabila tular semula video yang mendakwa kononnya Anwar mempunyai banyak akaun bank Israel sejak beliau mula aktif dalam arena politik.

Fitnah dan tuduhan melampau yang tidak berasas ini mula tular dalam media sosial gara-gara sesi wawancara Anwar mengenai konflik Israel-Palestin bersama Richard Quest daripada CNN disunting.

Suntingan ini sengaja dibuat oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi menimbulkan persepsi negatif dan gambaran seolah-olah kerajaan mengiktiraf kewujudan Israel yang berniat mengelirukan.

Jangan mudah percaya dengan fitnah tersebut kerana Anwar adalah antara insan yang bersungguh-sungguh mengecam kezaliman yang dilakukan Israel terhadap umat Islam di Palestin.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil yang juga Menteri Komunikasi berkata, video tular tersebut tidak menggambarkan konteks pendirian yang disampaikan Perdana Menteri, iaitu Malaysia akan terus melindungi kewujudan Palestin dan tidak akan pernah sesekali mengiktiraf negara haram Israel.

Kerajaan mengesahkan rakaman video kononnya Perdana Menteri



PERDANA Menteri ke luar negara antaranya adalah untuk menyelesaikan isu dalam Malaysia yang melibatkan rakyat.

menyokong 'kewujudan Israel' telah disunting pihak tertentu. Fahmi berkata, pihaknya telah meneliti keseluruhan rakaman video itu dan ternyata ia telah disunting.

"Bagi saya puak-puak yang menyunting ini, apa yang kerajaan buat, mereka tidak akan pernah gembira.

"Namun, apa yang penting ialah kita perjuangkan masa depan lebih baik untuk Palestin," katanya pada sidang akhbar mingguan pasca Mesyuarat Kabinet, baru-baru ini.

Katanya, beliau telah meminta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) supaya meneliti dan membuat siasatan terhadap rakaman video Perdana Menteri itu untuk siasatan lanjut.

Fahmi berkata pihaknya tidak pernah menghalang rakan-rakan media untuk membuat laporan mengenai rakaman video tular itu sebaliknya berhati-hati dalam

melayan sebarang spekulasi.

Dalam pada itu, Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) KEADILAN Wilayah Persekutuan, Datuk Azman Abidin pula berkata, Perdana Menteri dan Malaysia tidak pernah mengubah dasar terhadap Israel.

Katanya, video suntingan tular yang dimainkan oleh pembangkang serta laskar siber mereka sejak 15 November lalu itu jelas perbuatan tidak bertanggungjawab demi meraih modal politik dan mengalihkan perhatian rakyat terhadap pujian dunia ke atas Anwar yang tegas membela nasib rakyat Palestin.

"Hentikanlah putar belit isu ini dengan elemen fitnah dan naratif yang diselewengkan hanya semata-mata kerana perbezaan pandangan politik.

"Saya menyeru seluruh pemimpin masyarakat untuk bersama-sama melihat perjuangan (membela Palestin) ini daripada

kaca mata kemanusiaan.

"Elakkan main isu hanya untuk meraih sokongan politik. Ayuh kita tunjukkan solidariti merentasi batas kepartian dan terus mendoakan kemenangan rakyat Palestin dalam menentang kezaliman Israel," katanya menerusi satu kenyataan baru-baru ini.

Setiasusaha Politik Perdana Menteri itu menambah, Anwar telah lama dan konsisten dalam memperjuangkan solidariti terhadap Palestin sejak beliau memimpin ABIM pada 1970-an lagi.

Katanya, sosok tubuh itu komited membawa perjuangan tersebut di pentas antarabangsa sehingga mendapat pengiktirafan tokoh-tokoh pejuang Palestin.

"Keakraban beliau berdekad lamanya bersama pemimpin Palestin sejak zaman Yasser Arafat, Mahmud Abbas sehingga ke era Ismail Haniyeh sudah diketahui dunia.


"Malah, Anwar pernah dinamakan sebagai 'Anak Palestin' oleh Yasser Arafat atas kelantangan beliau membawa perjuangan itu di peringkat global.

"Ketika berada di Riyadh, Arab Saudi beberapa hari lalu, Anwar juga telah mengusulkan agar Israel disingkirkan daripada keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Langkah berani itu dilakukan secara terbuka dan jelas membuktikan pendirian tegas beliau terhadap dasar penindasan yang dilakukan oleh Israel," ujarnya lagi.

Kesimpulannya, kita sebagai rakyat harus sentiasa berwaspada dan selidik terlebih dahulu sebelum mempercayai isu yang tular dalam media sosial. Ini kerana, terdapat golongan yang gemar dan seronok menyebarkan fitnah. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

24/11/24: Larian Persahabatan Ke-50 Malaysia-China @ Dataran DBKL

24/11/24: 2XU Compression Run 2024 @ Padang Merbok

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara

11-12/1/25: KLPJ Wedding Fair @ KLCC



PUTRAJAYA

23/11/24: Karnival Hari Kitar Semula Putrajaya 2024 @ Padang Kompleks Kejiranan Presint 9

30/11/24: Ultron® Putrajaya Night Half Marathon @ Anjung Floria

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

23/11/24: Hari Bertemu Pelanggan Perbadanan Labuan @ Laman Wisma Perbadanan Labuan

24/11/24: MAIWP FUN WALK @ Padang Dataran Labuan

28/12/24 - 1/1/25: Labuan Ambang 2025 Open Fours @ Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Tetap peka isu dalam negara

ADA sahaja pihak yang gemar menimbulkan fitnah semata-mata mahu melihat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipandang negatif daripada kaca mata rakyat.

Anwar dituduh tidak menghiraukan ekonomi atau isu-isu negara yang kian membelenggu rakyat, malah lebih gemar menziarahi pemimpin-pemimpin di luar negara.

Justeru, terdapat segelintir rakyat yang mendesak agar tempoh lawatan Perdana Menteri dipendekkan memandangkan rakyat berhadapan dengan pelbagai isu yang membebaskan.

Desakan ini sebenarnya tiada asas kerana Anwar sentiasa bersedia menghuraikan segala pertanyaan atau kekeliruan rakyat walaupun sedang berada di luar negara.

Ini kerana, beliau ke luar negara juga bertujuan untuk menyelesaikan isu dalam Malaysia yang melibatkan rakyat.

Jurucakap kerajaan, Ahmad Fahmi Fadzil berkata apa jua permasalahan boleh dijawab oleh Perdana Menteri di mana sahaja beliau berada.

"Perdana Menteri (dijadualkan) akan kembali ke Malaysia, insya-Allah Rabu (minggu ini), sudah pasti dalam zaman sekarang sekiranya perlu beliau menjawab apa-apa isu atau pun memberi komen ia boleh dibuat di mana saja beliau berada.

"Jadi, saya lihat itu tidak ada isu dan beliau telah menyatakan bahawa untuk memohon perlindungan secara blankets itu tidak mungkin perlu mengikut proses dan berlandaskan undang-

undang sedia ada dan kita pohon supaya pemberi maklumat ini buat laporan dengan pihak SPRM," katanya pada sidang media mingguan selepas Mesyuarat Kabinet, baru-baru ini.

Beliau menyatakan demikian bagi mengulas pertanyaan media sama ada Anwar perlu memendekkan lawatan beliau bagi menyelesaikan beberapa isu, antaranya penulisan video mengaitkan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang didakwa membincangkan 'rasuah' bernilai ratusan ribu ringgit yang diberikan sebagai balasan untuk mendapatkan projek di sebuah negeri.

Perdana Menteri dalam siri lawatan rasmi sulungnya ke rantau Amerika Selatan ke dua negara iaitu Peru dan Brazil.

Dr Hafidzah tak gentar

'KINI TUNGKU BERKAKI TIGA'

Dikelilingi ADUN-ADUN parti lawan, cuma ada YB dan ADUN Galas serta ADUN Nenggiri bertindak sebagai pembangkang di DUN Kelantan. Bagaimana kesepakatan YB bersama ADUN BN setakat ini?

Alhamdulillah dari hari pertama kemenangan bersejarah 12 Ogos 2023 kerjasama antara ADUN Perpaduan PHBN begitu baik. Walaupun pelbagai jolokan diterima seperti 'the little tiny red dot' atau 'hanya dua ADUN pembangkang satu di hilir (Kota Lama-YB Dr Hafidzah-PH) dan satu di hulu (Galas-YB Syahbuddin-BN) laksana batu nisan' namun semangat kerjasama untuk memainkan peranan semak dan imbang dapat kami lakukan dengan baik. Malah kami aktif di dalam dan di luar sidang DUN membawa isu-isu kepentingan rakyat yang dapat menghangatkan DUN Kelantan. Terbaru kemenangan YB Azmawi bagi kerusi DUN Nenggiri menambah kekuatan kami menjadi tiga kerusi ibarat tungku berkaki tiga yang kukuh dan tak dapat digoyahkan lagi.

Selaku wakil rakyat daripada Amanah, mungkin ada cara YB menyemarakkan sokongan rakyat Kelantan untuk berani menukar sokongan kepada parti-parti di dalam Kerajaan Perpaduan?

Saya dapati rakyat Kelantan bijak-bijak dan kuat semangat. Itu sebab mereka tidak mudah menukar sokongan politik. Namun apa yang berlaku di Nenggiri memberikan kita keyakinan, dengan maklumat yang benar dibuktikan dengan bakti khidmat YB Azmawi di lapangan terus ke akar umbi pengundi dapat mengembalikan sokongan rakyat kepada BN dan Kerajaan Perpaduan. Justeru saya akan menumpukan kerja menjadi wakil rakyat yang berkhidmat kepada semua rakyat DUN Kota Lama tanpa memilih bulu bagi menunjukkan wakil parti Kerajaan Perpaduan menjalankan tugas dengan penuh amanah dan dapat melakukan perubahan menyejahterakan kehidupan mereka.

Bagaimana YB melihat kualiti perbincangan dan isu-isu yang dibawa wakil rakyat parti pemerintah dalam sidang DUN? Memuaskan hati?

Peranan utama saya selain berkhidmat untuk rakyat adalah memainkan peranan semak dan imbang bagi pihak rakyat.

Biarpun kami minoriti bilangannya jauh berbanding parti kerajaan negeri Kelantan, hanya tiga berbanding 42, namun kami berupaya memberikan persembahan perbincangan mahupun membangkitkan soalan bagi pihak rakyat yang boleh menggentarkan pihak kerajaan. Kuncinya adalah kesepakatan antara kami dan persediaan rapi dibantu kumpulan penyelidik yang berdedikasi.

Seperkara yang mahu saya

SATU-SATUNYA calon Pakatan Harapan (PH) yang berjaya meletakkan wakilnya dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) tahun lalu, Yang Berhormat (YB) **DR HAFIDZAH MUSTAKIM** mahu menjadi contoh terbaik kepada rakyat.

Biarpun dikelilingi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada parti yang menguasai negeri itu, beliau bergandingan bersama ADUN Galas, Mohd Syahbuddin Hashim dan kini ADUN Nenggiri, Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani daripada Barisan Nasional (BN) memainkan peranan semak dan imbang.

Menerima jolokan 'the little tiny red dot', Ketua Angkatan Wanita Amanah Negeri (AWAN) Kelantan itu yakin rakyat Kelantan mampu membuat perubahan, lebih-lebih lagi dengan kemenangannya di kerusi DUN Kota Lama.

Kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau berkongsi harapan yang cukup tinggi mahu melihat Kelantan mampu mencapai kejayaan seiring dengan keberanian untuk berubah.



HAFIDZAH (tengah) ketika memberi sokongan dan semangat dalam menyemarakkan Liga Kejohanan Peringkat Komuniti Bola Sepak Kota Bharu 2024.

tekankan adalah pentingnya untuk rakyat Kelantan memilih pembangkang yang kuat dan DUN bagi pihak mereka bagi mengimbangi suara wakil kerajaan yang dipilih.

Kehadiran suara pembangkang yang kuat akan menjadikan sebuah kerajaan itu sentiasa waspada dan bersungguh-sungguh membuat dan melaksanakan polisi yang benar-benar menyejahterakan rakyat. Mana mungkin sebuah kerajaan itu kuat kalau nak bayar emolument kakitangannya pun memerlukan bantuan pihak lain. Ini antara perkara yang perlu diketahui oleh rakyat.

DUN Kota Lama, selepas YB berjaya menempatkan logo PH di Kelantan, pastinya menjadi tumpuan rakyat melihat sejauh mana keberkesanan adanya PH di negeri ini. Apa pandangan YB?

Kemenangan PH sebagai mewakili parti Kerajaan Perpaduan di Kota Lama adalah kemenangan bersejarah. Ia berjaya memecahkan dominasi PAS di kerusi itu selama 24 tahun. Ini kemenangan bagi rakyat yang mahukan perubahan. Ada beberapa kunci kemenangan, antaranya kesatuan jentera parti komponen Kerajaan Perpaduan selain keterbukaan pemikiran pengundi yang bersedia berubah.

Sejurus selepas dipilih, saya terus melaksanakan tugas memberi khidmat kepada rakyat. Walaupun peruntukan diberikan kepada ADUN pembangkang hanyalah sebahagian daripada yang diberikan kepada ADUN kerajaan negeri, alhamdulillah

kami dapat terus bergerak.

Gerak kerja kami mendapat perhatian parti lawan yang turut menggiatkan khidmat mereka. Akhirnya saya nampak rakyat DUN Kota Lama beruntung mendapat khidmat terbaik daripada semua pihak yang berlumba-lumba melakukan kebaikan. Sokongan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pembangunan Kelantan menjadi penguat semangat kepada saya. Khusus bagi DUN Kota Lama, peruntukan RM7 juta untuk pembaikan Pasar Besar Siti Khadijah adalah bukti Kelantan tidak dianaktirikan Kerajaan MADANI. Kelancaran projek ini membenarkan kenyataan kerajaan ini mengotakan apa yang dikata.

Apa isu-isu lama yang diwarisi YB di DUN Kota Lama?

Masalah dan cabaran yang dihadapi rakyat berterusan sifatnya. Terutama kita berada pada fasa pasca COVID-19 yang memberi kesan besar kepada sosioekonomi negara.

Saya mulakan tugas dengan kajian lapangan dikendalikan penyelidik muda bagi mengenal pasti keperluan penduduk Kota Lama. Kami dapati mereka memerlukan pembangunan dalam sosioekonomi, infrastruktur, pendidikan dan kesihatan.

Daripada dapatan ini saya dan pasukan membangunkan Pelan Transformasi Kota Lama (PTKL) sebagai satu panduan membangunkan Kota Lama secara strategik. Dengan berpanduan PTKL

ini saya dapat menyusun gerak kerja lebih teratur sekali gus memberikan khidmat bersasar bertepatan apa yang diperlukan penduduk.

Mampukah parti-parti politik di bawah Kerajaan Perpaduan menawan Kelantan?

Tiada apa yang mustahil. Saya lihat rakyat Kelantan sudah semakin bersedia menerima perubahan. Tinggal lagi mereka perlu diyakinkan pakatan parti Kerajaan Perpaduan ini dapat menjadi alternatif lebih baik daripada kerajaan negeri yang sudah memerintah selama 34 tahun. Untuk ini PHBN bukan sahaja mesti berpadu tetapi mesti dilihat benar-benar berpadu dan menzahirkan kesatuan dalam bentuk tindakan.

Matlamat saya adalah melahirkan rakyat Kelantan terutama golongan atas pagar yang dapat berfikir secara terbuka. Ia berpandukan maklumat yang benar di hujung jari yang dapat memandu mereka membuat keputusan bijak. Ini memberikan mereka keberanian membuat pilihan berdasarkan bukti dan prestasi, bukan hanya berdasarkan sentimen.

Kuasa anak muda begitu besar di Kelantan. Dengan jumlah lebih 700,000 orang berusia bawah 40 tahun, mereka merupakan 53 peratus daripada pengundi dan sememangnya boleh menjadi kuasa penentu dalam pilihan raya. Mereka ibarat 'the sleeping giant' yang boleh menjadi kuasa pendesak kepada perubahan. Sebahagian besar orang muda ini dapat ditemui di alam maya. Maka pendekatan mesra anak muda

melalui aktiviti sukan dan rekreasi selain interaksi di media sosial dan memanfaatkan teknologi secara tersusun mesti kami giatkan.

Untuk Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang, apakah mudah parti-parti politik Kerajaan Perpaduan membuat agihan kerusi di Kelantan? Apa cara terbaik?

Sentiasa ada cabaran dalam melakukan apa sahaja. Medan politik tidak terkecuali. Namun saya percaya jalan penyelesaian terbaik adalah melalui rundingan dan diplomasi.

Alhamdulillah PH Kelantan telah mengorak langkah yang baik sebelum tibanya 2025. Jawatankuasa Pimpinan PH Peringkat Negeri dibentuk dan menunjukkan kesepakatan yang baik dari awal pembentukannya. Dengan sokongan padu pimpinan wanita dan pemuda PH Kelantan, kami yakin dapat mulakan kerjasama dengan BN merancang gerak kerja menghadapi PRU ke-16.

Bagaimana YB melihat sektor ekonomi di Kelantan?

Antara kayu ukur prestasi ekonomi adalah keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan sejauh mana ia menyumbang kepada KDNK negara. Walaupun KDNK Kelantan meningkat 2.6 peratus kepada RM26.7 bilion pada 2023, ia hanya mampu menyumbang 1.8 peratus kepada KDNK Malaysia. KDNK per kapita Kelantan juga paling rendah RM16,836 berbanding purata nasional RM54,612. Jika dilihat kadar pengangguran di Kelantan pula sebanyak 4.1 peratus berbanding kadar nasional 3.2 peratus.

Tidak hairanlah anak muda Kelantan terpaksa merantau ke luar negeri seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang untuk mencari rezeki. Nampaknya ekosistem di Kelantan masih belum dapat merangsang pertumbuhan ekonomi mahupun menarik pelabur luar untuk membantu pertumbuhannya.

Misi dan visi YB selepas ini dalam politik di Kelantan?

Visi saya menjadikan Kota Lama sebuah kota yang bahagia, berdaya saing dan diberkati. Kota Lama yang saya idamkan bercirikan kota yang maju, makmur, bersih, harmoni dan progresif.

Untuk mencapainya saya mempunyai misi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dalam aspek sosioekonomi, infrastruktur dan perkhidmatan. Saya akan menumpukan kepada teras strategik mewujudkan kitaran ekonomi yang mampan, kemudahan awam yang efektif, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan berkualiti dan perkhidmatan saya sebagai ADUN yang inklusif untuk rakyat. 

JWP urus logistik Kepengerusian ASEAN

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) dipertanggungjawabkan untuk menyelaras urusan logistik sebagai usaha melicinkan operasi kerajaan menjelang tahun Kepengerusian ASEAN 2025.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) **Dr Zaliha Mustafa** berkata, JWP turut berada di bawah *task force* yang diketuai Wisma Putra bagi menangani sebarang masalah khususnya melibatkan ibu negara.

"Bagi urusan logistik, ia termasuk di kawasan lain khususnya di Kuala Lumpur, jadi logistik mengambil kira banyak perkara antaranya pengindahan, pencahayaan Kuala Lumpur dan aspek keselamatan di bandar raya.

"Ia menjadi sangat penting kerana negara akan menerima ramai tetamu dan delegasi yang berprofil tinggi dari sekitar negara ASEAN," katanya kepada pemberita.

Katanya, pihak JWP sentiasa dalam penyelarasan termasuk kemas kini kepada program yang dilaksanakan di Kuala Lumpur dan telah mengemukakan tuntutan bajet untuk kita laksanakan kepada kerajaan.

"Kita difahamkan lebih 300 program yang akan dilaksanakan sepanjang Kepengerusian ASEAN dan KL menjadi tumpuan dan yang paling banyak program.

"Macam kita kenal pasti contohnya jalan-jalan protokol,

mungkin hotel-hotel yang akan diinap oleh delegasi dan semua itu berada dalam tanggungjawab kita," katanya.

Zaliha berkata pihaknya akan sentiasa melaksanakan pemantauan terhadap situasi semasa di ibu negara dan ia dilaksanakan secara kerap termasuk aspek penyelarasan.

"Setakat ini saya belum berpuas hati dan kita perlu tengok lagi kerana perkara itu besar selain Kuala Lumpur yang menjadi pintu masuk utama negara perlu pastikan ada kerjasama.

"Contohnya jalan raya yang bukan di bawah seliaan DBKL dan ada di bawah JKR dan kita perlu selaraskan semula," katanya. 



KETUA Pengarah JWP, Datuk Noridah Abdul Rahim menyampaikan cenderamata kepada Zaliha selepas melancarkan logo rasmi Inisiatif Bandar Pintar Wilayah Persekutuan di ibu negara pada Rabu.



ISMADI (tengah) bersama pegawai DBKL melakukan tinjauan sekitar pusat bandar bagi mengenal pasti sebarang isu sebagai persediaan menghadapi tahun Kepengerusian ASEAN 2025.

Menjelang tahun 2025

PEGAWAI KANAN DBKL TURUN PADANG

AZLAN ZAMBRU

MENJELANG pembukaan tirai tahun 2025 yang menyaksikan Malaysia bakal mengambil alih Kepengerusian Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melakukan persiapan yang menyeluruh untuk memastikan bandar raya itu bersedia untuk menjadi tuan rumah acara penting ini.

Sidang Kemuncak ASEAN bukan sahaja meletakkan Kuala Lumpur sebagai venue pusat tetapi juga mempamerkan keupayaan pembangunan Malaysia kepada negara anggota ASEAN yang lain yang dijangka memberi impak positif kepada pelancongan, perdagangan dan reputasi antarabangsa Malaysia.

Justeru itu, Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL, **Ismadi Sakirin** mengetuai kumpulan pegawai kanan turun meninjau beberapa lokasi yang berpotensi menjadi tumpuan delegasi antarabangsa.

"Antara lokasi terlibat adalah Jalan Petaling, Jalan Kasturi, Jalan Sultan, Dataran Merdeka dan Projek River of Life," katanya ketika dihubungi.

Menurut beliau, antara perkara utama yang menjadi tumpuan adalah berkenaan dengan aspek infrastruktur, pengindahan bandar serta perkara berkaitan.

Selain itu, Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek), Mohamad Hamim turut mengetuai kumpulan kedua di Jalan Parlimen, Taman Botani, Jalan Kuching, Jalan Ampang, Jalan Bukit Bintang dan sekitar pusat bandar.

Matlamat utama kedua-dua lawatan ini adalah bagi meninjau keadaan kebersihan, aktiviti penjagaan dan penguatkuasaan di samping melihat kerja-kerja menaik taraf serta menyelenggara infrastruktur di ibu kota Kuala Lumpur.

Sebelum ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd

Sharif berkata beliau telah diminta Perdana Menteri untuk menaik taraf khususnya imej ibu negara menerusi lima perkara yang perlu diberi tumpuan sepenuhnya menjelang tahun 2025.

Antara perkara yang mendapat perhatian Perdana Menteri termasuklah mengadakan bekerjasama dengan semua pihak termasuk pemilik bangunan dalam aspek pencahayaan sekali gus menyerlahkan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang *vibrant*.

"Bangunan tersebut merangkumi komersial, residensi selain turut menyeru semua penghuni bangunan untuk turut sama dalam aspek pencahayaan bagi menyerlahkan lagi imej Kuala Lumpur.

"Yang ketiga adalah bahagian infrastruktur dan pihak DBKL sendiri harus memastikan di sekitar ibu kota tidak ada *pot hole*, permukaan jalan raya mestilah diturap dan menangani isu banjir serta infrastruktur bandar," katanya. 

1C1R tempat ke-3 SDG City Awards

INISIATIF program kitar semula yang dipelopori Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melibatkan warga Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) mendapat pengiktirafan antarabangsa sekali gus meraih tempat ketiga dalam SDG City Awards anjuran Citynet-UNESCAP.

Inisiatif yang bermula pada tahun 2021 itu menasaskan golongan rentan yang mendiami unit PPR dan PA bertujuan untuk membantu golongan memperoleh pendapatan sampingan serta dalam masa sama memulihara alam sekitar.

Program ini antara inisiatif DBKL yang berjaya memberikan galakan kepada warga PPR dan PA untuk membantu mereka mengurangkan kadar sewaan rumah dan dapat meningkatkan kepekaan untuk mengurangkan sampah dan menggalakkan aktiviti kitar semula.

Anugerah tersebut dibuat sempena Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ke-44 yang berlangsung pada 18 hingga 20 November 2024 di Iloilo City, Filipina.

Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk Zulkurnain Hassan, mengetuai delegasi DBKL menerima anugerah tersebut.

DBKL turut dianugerahkan Circular

City Awards atas pelaksanaan inisiatif kitar semula berkonsepkan sistem barter, selari dengan prinsip ekonomi kitaran dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

SDG City Awards kali ini menerima lebih 70 kajian kes dari rantau Asia Pasifik, dengan 14 pencalonan akhir terpilih.

Program 1C1R merupakan inisiatif kitar semula berasaskan sistem barter, di mana barangan kitar semula boleh ditukar kepada barangan asas atau digunakan untuk membayar sewa rumah dan ia dilaksanakan di seluruh kawasan PPR dan PA.

Dalam program tersebut, Pihak Berkuasa Bandar Raya Busan, Korea Selatan meraih tempat pertama menerusi – Kompleks Kebudayaan Kanak-Kanak Busan dan tempat kedua adalah Baguio City, Filipina menerusi kajian Memetakan Ketahanan Bandar: Digital Berkembar kepada Indeks Kebolehdiaman Baguio.

Selain Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Subang Jaya turut menjadi finalis menerusi inisiatif WhatsApp Business dan Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui inisiatif Sumbangan Pengurusan Trafik dalam Komersial melalui Program TRAFIESTA. 



KEGEMBIRAAN jelas terpancar di wajah-wajah penghuni ketika melakukan aktiviti berkumpul.

YWP anjur Program Golden Years, Golden Care SENTUHAN UNTUK WARGA EMAS

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) terus proaktif dalam menjamin kesejahteraan warga emas di negara ini terutama golongan terpinggir yang memerlukan sokongan serta bantuan.

Eksekutif Kanan Pembangunan Komuniti YWP, **Siti Nadiah Mohd Ariff** berkata cakna dengan keperluan warga emas, YWP menghadiri menyantuni golongan tersebut menerusi Program Golden Years, Golden Care: Empowering Seniors & Caregivers yang telah diadakan baru-baru ini.

"Ia diadakan bertujuan untuk beramah mesra bersama golongan tersebut dan berkongsi kegembiraan agar mereka tidak berasa sunyi.

"Pihak YWP turut menyampaikan sumbangan peralatan kesihatan seperti tiga unit kerusi roda, satu unit tandas mudah alih, pampers, tuala dan selimut.

"Kebanyakan warga emas di sini, mereka berkerusi roda dan terlantar

jadi pergerakan mereka agak terhad," katanya.

Mengulas lanjut, Siti Nadiah berkata program tersebut turut mendapat kerjasama Jabatan Perubatan Universiti Malaya (UM).

"Kebanyakan sukarelawan Jabatan Perubatan UM ini merupakan penerima biasiswa institut pengajian tinggi (IPT) di bawah YWP dan pada masa akan datang kita akan melibatkan lebih ramai penerima biasiswa.

"Pihak YWP juga akan terus menyantuni pusat-pusat warga emas yang memerlukan khususnya di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," ujarnya.

Dalam pada itu, Pensyarah Jabatan Sains dan Kejururawatan UM, Nor Zehan Ahmad berkata antara aktiviti yang diadakan adalah senaman ringan, beberapa permainan santai serta penjagaan kejururawatan seperti *nail care*, *dressing* dan banyak lagi.

"Seramai 11 sukarelawan UM, 30 pegawai YWP dan lima wakil Nurse

Society mengambil bahagian dalam program yang dianjurkan sepanjang bulan ini.

"Program Golden Years, Golden Care ini merupakan program lawatan sebanyak tiga kali berturut-turut ke PJ Senior Care, Petaling Jaya di mana kami akan memberi khidmat masyarakat kepada penghuni serta berkongsi sedikit ilmu bersama penjaga di rumah ini," katanya.

Terdahulu, Majlis Penutup Program Golden Years, Golden Care: Empowering Seniors & Caregivers telah diadakan bertempat di Universiti Malaya dan sumbangan berjumlah RM20,000 telah disampaikan oleh YWP kepada wakil PJ Senior Care.

Hadir sama, Dekan Fakulti Perubatan UM, Profesor Datuk Dr Yang Faridah Abdul Aziz; Ketua Jabatan Sains Kejururawatan, Fakulti Perubatan UM, Profesor Dr Tang Li Yoong dan Pengurus Kanan Jabatan Komunikasi Strategik & IT YWP, Datin Ida Harlina Ikhwan Nasir.

UiTM cipta 16 paten baharu

UNIVERSITI Teknologi MARA (UiTM) berjaya memperoleh lebih RM60 jutageran industri pada tahun 2023 sekali gus mencerminkan keyakinan sektor industri terhadap keupayaan penyelidik UiTM.

Melalui geran tersebut, hasil penyelidikan UiTM dapat diterapkan dalam pelbagai sektor serta dapat menyumbang kepada ekonomi negara dan mempercepatkan inovasi berasaskan permintaan.

UiTM dalam satu kenyataan berkata, selain itu, 16 paten baharu turut dicipta yang mencerminkan kreativiti dan kemampuan universiti dalam teknologi serta inovasi yang bersifat komersial dan berpotensi besar.

"Paten ini meliputi pelbagai bidang, dari teknologi perubatan hingga kejuruteraan, yang memberi impak langsung kepada industri tempatan dan antarabangsa. Selain itu, ia turut memperkukuh kerjasama strategik antara universiti dan industri," tulis kenyataan itu.

Dalam masa sama, universiti tersebut berjaya mengukuhkan kedudukannya dalam dunia penyelidikan dan inovasi dengan pencapaian yang luar biasa sepanjang tahun 2023 dan

diraikan dalam Majlis Sanjung Sarjana 2024 baru-baru ini.

"10 saintis kami turut disenaraikan dalam Top 2% World Scientists. Antara penerima pengiktirafan ini ialah Profesor Dr Fadzlan Sufian dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dan Profesor Datuk Dr Mohamed Ibrahim Abu Hassan (Fakulti Pergigian) yang menyumbang kepada bidang sains perubatan dan farmaseutikal.

"Majlis turut memberi penghargaan kepada Profesor Ir Dr Nofri Yenita Dahlan yang juga Pengarah Institut Penyelidikan Solar (Solar Research Institute) sebagai Tokoh Penyelidikan UiTM atas sumbangan dan peranan beliau dalam memajukan teknologi hijau di Malaysia," ujarnya.

Turut menerima anugerah, Profesor Madya Dr Mohd Lokman Ibrahim (Fakulti Sains Gunaan) sebagai Tokoh Penyelidik Cemerlang dan Profesor Madya Dr Nadiah Abd Hamid (Fakulti Perakaunan) menerima anugerah Penyelidik Harapan.

Terdahulu, turut hadir Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Ts Dr Norazah Abd Rahman.



PENERIMA anugerah bergambar pada Majlis Sanjung Sarjana 2024.

Pupuk minat baca karya Sasterawan Negara

DALAM usaha memelihara dan memperkasa warisan budaya Melayu, satu pementasan karya agung Sasterawan Negara Datuk Noordin Hassan berjudul Sirih Bertepuk Pinang Menari bakal dipentaskan pada penghujung November ini.

Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), **Mohd Amran Mohd Haris** berkata pementasan ini bertujuan memartabatkan seni, budaya, bahasa dan sastera kebangsaan.

"Ia memberi peluang kepada JKKN dan badan bukan kerajaan (NGO) seni budaya untuk mengetengahkan karya seni negara, mempergiatkan

persembahan teater serta memupuk minat membaca karya agung dalam kalangan generasi muda.

"Diharapkan program ini akan menjadi daya tarikan pelancong juga menjadi platform kepada pengkarya seni budaya untuk mementaskan karya-karya seni budaya berteraskan negeri-negeri seperti tari, muzik dan teater," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Amran berkata teater arahan Dr Marlenny Deenerwan ini akan berlangsung pada 29 dan 30 November serta 1 Disember 2024 pada pukul 8.30 malam di Auditorium, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

"Pementasan ini juga akan turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 30 November, 8.30 malam," katanya.

Berkongsi lanjut, Mohd Amran berkata mementaskan karya Datuk Noordin Hassan itu merupakan impian Dr Marlenny Deenerwan (Lenny Erwan) yang menjadi kenyataan.

"Bukan setiap hari kita berpeluang untuk menonton sebuah karya yang penuh makna dalam penceritaan, malah bukan mudah untuk ditafsir, kisah yang penuh dengan pendekatan fitrahnya dan pemikiran yang unik daripada seorang tokoh yang sangat disanjung.

"Sirih Bertepuk Pinang Menari sebuah teater yang boleh mengajar kita semua untuk berfikir dengan lebih kritis lagi dan tahu untuk menghargai sesebuah karya yang tidak mudah ditafsir dengan pemikiran biasa.

"Teater ini menghimpunkan seramai 22 pelakon dengan kombinasi pelakon lama dan baharu seperti Datuk Ahmad Tarmimi Siregar, Jay Iswazir, Akmal Ahmad, Farhana Fahizam, Eliza Mustafa, Azman Hassan, Haf Dzi Sofi dan Shasha Fairus," ujarnya.

Pementasan teater ini merupakan anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKKN WPKL) dan Pertubuhan Rumpun Seni Mekar Budaya (Mekar Budaya) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Pas masuk berharga RM20 untuk orang awam manakala RM15 untuk pelajar, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) boleh didapati dengan mengimbas kod QR pada poster di dalam media sosial Instagram @rumpunsenimekarbudaya. Maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, boleh layari laman sesawang ataupun media sosial JKKN.

KU SEMAN KU HUSSAIN



PENULIS BEBAS

KETIKA ini hampir setiap petang berlaku hujan lebat di banyak kawasan sekitar Kuala Lumpur, Lembah Kelang dan beberapa wilayah lain. Keadaan yang sedemikian mencetuskan kerisauan dalam kalangan orang ramai kerana boleh menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan rendah.

Lebih-lebih lagi kepada mereka yang mendiami kawasan yang sering berlaku banjir kilat, perasaan bimbang berlakunya kemusnahan harta benda boleh merentap nikmat kehidupan yang sedang dijalani. Banjir kilat boleh menjadikan hidup mereka sentiasa diburu resah.

Sekalipun berlaku dalam jangka masa yang singkat, tetapi kemusnahan akibat banjir kilat tetap besar dan terpaksa menanggung kesan yang berpanjangan. Malah banjir kilat juga menjadi faktor utama kesesakan dan kenderaan ringan kemungkinan ditenggelami air. Kerisauan setiap kali hujan lebat memang ada munasabah kerana akhirnya ia melibatkan wang untuk membaiki kenderaan berkenaan.

Semua keadaan di atas disebabkan cuaca. Hujan, panas terik serta ribut dan taufan adalah kesan daripada cuaca. Keadaan cuaca adalah hukum alam yang tidak dapat diubah mengikut keselesaan manusia yang berbagai-bagai ragam dan kehendaknya.

Disebabkan itu, manusialah yang perlu menyesuaikan diri dengan hukum alam yang terzahir pada keadaan cuaca. Disebabkan itu cuaca menjadi satu perkara penting dalam kehidupan manusia, tidak kira di sisi baik dan buruknya. Kedua-duanya perlu diterima dan masa yang sama mencari jalan mengurangkan kesan buruknya.

Maka perkara utama yang perlu dilakukan dalam kehidupan kita adalah memahami hubungan yang akrab antara manusia dan alam dalam kehidupan. Kefahaman itu membuatkan kita berusaha menyesuaikan diri dengan keadaan cuaca yang merupakan satu isyarat daripada alam.

Secara mudahnya cuaca di negara kita terbahagi kepada dua monsun atau musim. Musim yang pertama disebut Monsun Barat Daya yang selalunya bermula pada akhir Mei dan mengunjur hingga September. Sementara



KEADAAN hujan lebat mengakibatkan risiko berlakunya banjir kilat terutama di kawasan rendah.

ISYARAT ALAM DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

Monsun Timur Laut bermula pada November hingga Mac.

Sekarang kita berada dalam Monsun Timur Laut membawa taburan hujan yang lebat terutama di negeri-negeri pantai timur Semenanjung, di barat Sarawak dan di kawasan timur Sabah. Keadaan cuaca di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang ketika ini adalah kesan daripada Monsun Barat Daya. Di negeri-negeri pantai timur keadaan cuaca itu disebut sebagai musim tengkujuh.

Sementara Monsun Barat Daya pula relatifnya menunjukkan cuaca yang lebih kering dan sedikit hujan. Sebenarnya kesan perubahan cuaca kepada manusia bukan sekadar banjir kilat di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang sahaja, malah lebih besar daripada itu.

Cuaca mengakibatkan kesan yang lebih besar seperti berlakunya tanah runtuh, banjir yang sekali gus memusnahkan kediaman dan kawasan pertanian serta menjadikan keadaan

laut bergelora yang boleh menjejaskan kegiatan maritim. Kegiatan menangkap ikan di kawasan pantai timur berkurangan pada musim tengkujuh berbanding musim biasa.

Itulah yang dikatakan hubungan cuaca dengan semua kegiatan manusia di darat dan juga di lautan. Malah tidak boleh mengelakkan diri daripada menerima kesan daripada cuaca. Sama ada hujan lebat, kering-kontang atau lautan yang bergelora, semuanya ada hubungannya dengan kehidupan manusia serta ada buruk dan baiknya.

Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah kalau ahli meteorologi dari Princeton University, Syukuro Manabe dipilih sebagai penerima Hadiah Nobel Fizik 2021. Manabe yang menjadi ahli meteorologi pertama diberikan anugerah tertinggi itu menunjukkan pentingnya penyelidikan dan kajian mengenai kesan cuaca daripada perubahan iklim dan pemanasan global.

Sekalipun begitu, sebelum Hadiah Nobel mengiktiraf ahli meteorologi yang mengkaji mengenai cuaca, nenek moyang kita yang silam telah lama memahami hubungan kehidupan mereka dengan keadaan cuaca. Mereka memahami dan menyesuaikan diri dengan keadaan itu.

Misalnya tanpa teknologi ramalan cuaca seperti sekarang ini, nenek moyang kita sudah bijak membaca isyarat yang dihantar oleh unggas dan mergastua, melihat gigi air di tepi pantai untuk meramal keadaan cuaca dalam beberapa waktu di depan. Tujuannya untuk menyesuaikan kehidupan dengan perubahan musim dan cuaca yang difahami daripada isyarat alam itu.

Orang tua-tua kita sudah lama meletakkan cuaca sebagai faktor penting dalam kehidupan. Walaupun tidak ada teknologi yang boleh meramal keadaan cuaca, mereka arif membaca isyarat daripada alam yang boleh memberikan maklumat tentang keadaan cuaca yang akan berlaku.

Hal itu ada disebut dalam Buku 'Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu' yang disusun dan dikaji oleh Profesor Diraja Ungku Aziz. Buku itu menyingkapkan pengamatan tinggi orang Melayu terhadap cuaca. Sekalipun diungkap dalam bentuk pantun, itulah pernyataan lisan yang kemudiannya didokumentasikan sebagai khazanah pemikiran.

Pantun-pantun yang dikumpul oleh Ungku

Aziz membuktikan kecaknaan generasi silam terhadap cuaca begitu tinggi dan diwariskan kepada generasi hari ini. Pantun yang berkait dengan musim mencerminkan pengetahuan dan pemerhatian generasi silam yang tinggi terhadap cuaca dan alam.

Hubungan antara manusia dan alam tidak terputus walaupun dengan adanya kemajuan teknologi. Cuaca tetap menjadi elemen penting dalam kehidupan dan mengabaikan atau sengaja tidak memahami cuaca adalah sama dengan mengundang bencana.

Ketika ini Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) secara rutin memberikan ramalan cuaca dengan ketepatan 95 peratus tentang keadaan cuaca dalam sehari atau seminggu akan datang. Kemajuan teknologi ramalan cuaca yang memberikan ketepatan yang tinggi itu adalah satu kemudahan untuk warga zaman ini.

Selari dengan kemajuan teknologi, telefon pintar pula boleh digunakan untuk membuat pemantauan sendiri terhadap perubahan cuaca. Menyedari hakikat hubungan rapat antara manusia dengan alam, ramalan cuaca kini merupakan aspek penting dalam kehidupan.

Memang benar kita tidak berupaya mengalih atau mengurangkan taburan hujan serta memperlancarkan kelajuan angin. Sekalipun begitu, kita boleh menyesuaikan kehidupan dengan aturan alam. Misalnya nelayan atau kegiatan maritim tertentu boleh dihentikan apabila diramal akan berlaku ketinggian ombak pada skala yang berbahaya.


Mengambil endah ramalan cuaca bukan sekadar untuk mengangkat kain jemuran. Sebaliknya mempedulikan cuaca menjadi satu disiplin penting dalam kehidupan. Itu adalah tabiat yang seharusnya diamalkan oleh semua. Teknologi ramalan cuaca canggih merupakan satu kelebihan untuk mendapatkan maklumat mengenai cuaca.

Maka pemilihan Syukuro Manabe sebagai penerima Hadiah Nobel Fizik ada signifikannya dengan kita dan sekalian umat manusia di planet bumi. Kita hidup bersama-sama keadaan cuaca yang berubah-ubah perlu cakna pada perubahan musim dan keadaan cuaca semasa.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 289 . 22-28 NOVEMBER 2024

ANIRBU

PERLU UNDANG-UNDANG KHAS

►►10-11

USAHA BERSEPADU TANGANI ISU MENYELURUH

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

KES buli yang dilaporkan berlaku di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bukanlah satu berita yang boleh diambil mudah dan sememangnya kejadian itu mencuri perhatian ramai serta mendapat kritikan meluas.



MOHD YAZID

Situasi berkenaan seolah-olah menjadi trend di institusi berkenaan selepas beberapa kes dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana ia sudah melibatkan nyawa dan kecederaan parah.

Lebih menyedihkan, apabila budaya buli ini wujud di beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia yang sepatutnya menjadi tempat selamat dan kondusif untuk pembelajaran.

Menurut Peguam, **Mohd Yazid Sa'at**, keadaan tersebut memerlukan tindakan yang tegas dan menyeluruh daripada semua pihak termasuk saksi kejadian untuk melaporkan di mana-mana lokasi terutamanya jika melibatkan pelajar.

"Hari ini, isu buli semakin membimbangkan kerana boleh berlaku tanpa batasan waktu dan tempat. Sama ada fizikal atau siber, buli mempunyai kesan psikologi dan emosi mendalam terhadap mangsa.

"Mangsa buli sering mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan dan gangguan stres pasca trauma (PTSD). Mereka mungkin menghadapi masalah dalam akademik dan sosial, termasuk kesukaran mempercayai orang lain dan membina hubungan sihat.

"Akses kepada perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikologi perlu diperluas serta dipertingkatkan bagi meningkatkan kesejahteraan emosi pelajar.

"Selain itu, usaha bersepadu daripada semua pihak termasuk institusi pendidikan, keluarga, masyarakat dan pihak berkuasa adalah penting untuk mencegah dan menangani isu buli secara menyeluruh," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata sukar atau tidak untuk membuktikan berlakunya sesuatu perbuatan buli itu bergantung kepada fakta kes dan bahan bukti.

"Kedua-dua elemen itu menjadi penentu penting kepada sesuatu hukuman atau pertuduhan selanjutnya.

"Ada kes di mana terdapat saksi atau bukti dokumen contohnya, mesej ugutan atau kata-kata kesat di media sosial. Maka dalam situasi ini, lebih mudah untuk perbuatan buli itu dibuktikan oleh doktor yang menjadi mangsa.

"N a m u n adakalanya, buli dibuat secara tersirat atau di dalam keadaan yang mana tiada bukti jelas, sebagai contoh ugutan dibuat di bilik di mana hanya mangsa dan pembuli sahaja yang ada.

"Dalam keadaan ini, tidak dinafikan ia sedikit sukar untuk

membuktikan wujudnya insiden buli tersebut namun ia bukan bermakna langsung tiada kes untuk dibangkitkan pengadu," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohd Yazid berkata laporan atau tindakan undang-undang masih boleh diambil terhadap pembuli, namun ia mungkin tidak bersifat begitu terus-terang berbanding kes yang mempunyai bukti kukuh.

"Soalnya sama ada mereka yang dibuli tersebut mahu mengambil tindakan atau tidak sahaja.

"Saya juga ingin menasihatkan mangsa buli supaya tidak menyembunyikan kes yang berlaku, meluahkan perkara berkenaan kepada pihak yang dipercayai.

"Jika pelajar yang dibuli tidak mengambil langkah sebegini, saya percaya ia hanya akan membuatkan pembuli bertindak secara berlebihan memandangkan tiada implikasi negatif terhadapnya. Malah, kebiasaannya pembuli juga hanya akan membuli pihak yang dianggap sebagai lemah atau tidak melawan," ujar beliau.

WUJUD UNDANG-UNDANG LEBIH BERKESAN

SEBARANG usaha yang ingin diambil tanpa adanya peruntukan undang-undang lebih berkesan tidak akan membawa sebarang kesan positif.

Mohd Yazid berkata bagi membendung kegiatan buli daripada berterusan khususnya di sektor pendidikan, kerajaan boleh meminda sebarang peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) ataupun mewujudkan terus sebuah 'Akta Antibuli'.

"Kerajaan boleh merujuk peruntukan undang-undang yang ada di United Kingdom dan Amerika Syarikat terhadap isu ini.

"Dengan adanya peruntukan undang-undang, semua pihak dalam negara kita akan mengambil serius terhadap isu buli ini serta mengelakkan diri mereka daripada terjebak," ujarnya.

Beliau menegaskan, melalui peruntukan undang-undang tersebut ia boleh memastikan setiap tempat memiliki polisi antibuli yang lebih jelas, seragam dan sesuai.

"Dengan adanya undang-undang khusus terhadap perkara

itu juga, hukuman setimpal dapat diberikan kepada pesalah buli.

"Isu buli tidak boleh dipandang sebelah mata serta hanya diberi perhatian jika berlaku sesuatu insiden buli seperti yang terjadi baru-baru ini.

"Ia memerlukan komitmen tinggi semua pihak baik pensyarah, guru, ibu bapa atau pelajar sendiri bagi memastikan semua institusi pendidikan dalam negara kita menjadi gedung ilmu dan bukannya tempat untuk melahirkan generasi samseng," ujarnya.

Tambah beliau, perbuatan membuli sama ada untuk berseronok atau kerana benci tidak sepatutnya menjadi amalan biasa atau budaya yang menunjangi institusi pendidikan negara.

"Bagi menangani masalah buli juga semua sekolah dan universiti perlu mempunyai peraturan yang jelas berkaitan buli. Ia perlu diuar-uarkan setiap masa bukan setakat diucapkan setiap awal tahun ketika sesi pembukaan persekolahan atau semasa majlis suai kenal masuk ke universiti.

"Pihak pengurusan s e k o l a h dan universiti d i g a l a k k a n menampal poster antibuli di dalam sekolah dan kampus universiti masing-masing serta mengedarkan risalah antibuli kepada setiap pelajar untuk d i b a c a bersama dengan ibu bapa atau penjaga.

"Budaya buli memberi a n c a m a n k e p a d a seseorang sekiranya ia tidak ditangani segera. Satu jawatankuasa khas perlu ditubuhkan b a g i menangani isu buli khususnya dalam bidang pendidikan. Akta tersebut perlu diteliti secara menyeluruh dengan memeriksa aspek perundangan yang berkaitan dan melaksanakan pindaan yang perlu pada undang-undang," ujarnya.

SALURAN ADUAN BULI



Sistem Aduan SISPA

<https://moe.spab.gov.my/eApps/system/index.do>



adubuli@moe.gov.my



03 - 8884 9325

8:00 pagi - 5:00 petang
Isnin - Jumaat
(kecuali cuti umum)



014 - 800 9325

Telefon /
WhatsApp
(24 jam)

Jenis buli dan akta:

Buli Siber

- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 Seksyen 233.

Buli Remaja

- Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90).

Buli Lisan

- Akta Kanun Keseksaan (Akta 574) Seksyen 509.

Buli Fizikal

- Akta Kanun Keseksaan (Akta 574) Seksyen 322 atau 324.



KES BULI YANG MENGGEMPARKAN MALAYSIA

2024 → Mohammad Nazmie Azzat Muhd Narul Azwan, 17, ditemui dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh warden asrama dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pihak Hospital Lahad Datu yang memberikan rawatan kecemasan. Mangsa dipercayai dibelasah rakan di sebuah kolej vokasional di Lahad Datu, Sabah akibat perselisihan faham kerana wang berjumlah RM85 dan polis telah menahan seramai 13 pelajar lelaki berusia 16 hingga 19 tahun. Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

2018 → Menurut laporan, sebelum ini hasil siasatan polis mendapati Amirul Nashriq yang berusia 19 tahun ketika itu meninggal dunia akibat lemas ketika mandi bersama-sama rakannya di Air Terjun Chamang, Pahang pada 24 Mac 2018. Namun, kes ini dibuka semula pada tahun ini apabila peguam Datuk Ahmad Zaharil Muhaiyar mahu menuntut keadilan bagi pihak Amirul Nashriq yang didakwa meninggal dunia kerana dibuli secara pro bono.

2017 → Allahyarham Zulfarhan Osman Zulkarnain dilaporkan telah didera melalui tekanan seterika wap terhadap badannya secara berulang kali dan mengakibatkan 90 luka akibat kesan lecur serta pukulan-pukulan menggunakan tali pinggang, getah paip dan hanger oleh sekumpulan pelajar sealiran atas tuduhan pencurian sebuah komputer riba. Disebabkan cedera parah akibat perbuatan yang dilakukan terhadapnya, Zulfarhan menghembuskan nafas terakhir pada 1 Jun 2017. Kini, keenam-enam suspek telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

2017 → Pelajar tahun 1 sekolah berasrama di Kapit, Jackson Nuing Awe meninggal dunia akibat dibelasah seorang pelajar berusia 12 tahun pada 24 Ogos 2017 yang dikatakan berang kerana Jackson mengejek nama ayahnya. Kanak-kanak itu mengalami pendarahan teruk pada bahagian kepala serta kesan-kesan lebam di seluruh tubuhnya.

2010 → Mohammad Naim Mustaqim Mohamad Sobri, 16, menjadi sasaran pembuli senior selepas diterima masuk sebuah Maktab Tentera Di-Raja (RMC). Pada 24 Jun 2010, Allahyarham didakwa dibelasah pelajar senior sehingga tidak sedarkan diri sebelum dibawa ke Pusat Perubatan Angkatan Tentera Kem Sungai Besi. Punca kematian Naim disebabkan oleh gegaran yang berlaku pada bahagian kepalanya, selepas dia jatuh ditendang. Lima pelajar senior tersebut telah dibuang serta-merta dan disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

2008 → Seorang tentera berpangkat prebet, Mohd Shahrizal, 27, didapati meninggal dunia selepas dibuli dan dibelasah oleh tujuh orang tentera lain. Mangsa dikatakan ditumbuk, disepak dan kepalanya dihentak dengan objek kayu, dilastik dengan getah pada kemaluannya serta salah seorang daripada tertuduh telah memijak bahagian belakang mangsa dengan kasut pepaku sehingga dia terkencing yang menyebabkan dia pengsan sebelum meninggal dunia pada 5 April 2008. Tujuh suspek mengaku bersalah menyebabkan kematian tanpa niat membunuh dan dikenakan hukuman penjara tujuh tahun setiap seorang pada tahun 2010.

Budaya hedonisme lahirkan pembuli

BUDAYA hedonisme iaitu gaya hidup yang mementingkan keseronokan duniawi semata-mata, menjadi antara punca utama lahirnya sikap membuli dalam masyarakat moden.

Ketua Program Sarjana Muda Usuluddin dan Multimedia, Universiti Islam Selangor (UIS), **Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib** berkata, perbuatan menindas, merendahkan atau mencederakan pihak yang lemah jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

“Hedonisme melahirkan generasi yang mengukur nilai diri berdasarkan kekuatan fizikal, kuasa dan status sosial di mana dalam konteks ini, pelajar yang kuat atau berpengaruh sering menggunakan kedudukan mereka untuk menindas yang lebih lemah demi keseronokan atau pengiktirafan dalam kelompok mereka.

“Budaya ini juga menanam sifat penting diri sendiri serta memandang rendah keperluan dan perasaan orang lain. Ini bertentangan dengan Islam yang menekankan tawadhu’, keinsafan dan tanggungjawab sosial.

“Islam mengajar kita bahawa kebahagiaan sejati bukan terletak pada hiburan melampau atau menindas orang lain tetapi pada menyebarkan kebaikan dan membantu mereka yang memerlukan,” ujarnya.

Muhammad Faiz berkata, budaya membuli juga boleh



MUHAMMAD FAIZ

menimbulkan salah tanggapan terhadap agama Islam itu sendiri kerana Islam dinilai bukan hanya melalui ajarannya tetapi juga melalui akhlak dan tingkah laku umatnya. “A p a b i l a berlaku pembunuhan, terutamanya yang dilihat ganas atau zalim, ada

risiko masyarakat bukan Islam menganggap Islam itu agama yang tidak berperikemanusiaan atau keras sedangkan hakikatnya, ia adalah agama rahmat dan kasih sayang.

“Menjaga kemuliaan dan imej Islam adalah tanggungjawab setiap Muslim di mana dengan menghindarinya adalah sebahagian daripada usaha untuk menjaga imej Islam sebagai agama yang adil, belas kasihan dan membawa kebaikan kepada semua makhluk.

“Dalam konteks maqasid syariah, salah satu matlamat utama ialah *hifz ad-din* iaitu menjaga agama yang bermaksud menjaga agama bukan sahaja dari aspek akidah dan ibadah tetapi juga memastikan Islam difahami dengan cara yang benar oleh orang lain,” katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, dalam menangani isu buli melalui pendekatan agama, ia boleh dilihat dari dua sudut utama iaitu sunnatullah dan syariatullah.

“Sunnatullah merujuk kepada hukum alam atau ketetapan Allah yang berlaku secara sejagat dan dalam konteks menangani buli, pendekatan ini menekankan

pemahaman terhadap psikologi manusia iaitu memahami punca buli seperti masalah emosi, trauma atau pengaruh persekitaran.

“Selain itu, menerusi sosial dan budaya dengan menyediakan persekitaran yang positif serta pendidikan dan pembentukan karakter kerana pendidikan akhlak ini berfungsi sebagai asas untuk membentuk masyarakat yang beradab.

“Manakala syariatullah pula adalah hukum atau peraturan Allah yang diberikan melalui wahyu, antaranya pendidikan agama iaitu menanam nilai ihsan dan taqwa melalui pengajian agama serta pembuli perlu diingatkan tentang hisab di akhirat di atas setiap perbuatannya.

“Di samping itu, pendekatan dakwah juga boleh digunakan untuk menegur pembuli secara hikmah dan Islam menggalakkan penyelesaian konflik dengan cara memperbaiki hubungan sebagai contoh melalui permohonan maaf secara ikhlas, perdamaian dan mengembalikan hak mangsa,” jelasnya.

Muhammad Faiz berkata, menangani buli memerlukan pendekatan yang holistik, menggabungkan sunnatullah melalui pendidikan dan psikologi serta syariatullah melalui penghayatan nilai agama dan penerapan hukum-hukum Islam kerana perbuatan membuli ini adalah satu ‘iceberg’ yang hanya nampak di permukaan air, sedang yang mengakar ke bawah itu lebih besar dan lebih utama dikenal pasti seterusnya ditangani. 

Agong titah budaya buli tidak berlarutan

ISU buli di Akademi Latihan Ketenteraan (ALK) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang menggemparkan negara baru-baru ini turut mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong, **Sultan Ibrahim Sultan Iskandar**.

Baginda yang juga Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), menitahkan Kementerian Pertahanan supaya memberi perhatian serius terhadap perbuatan terbahit dengan tidak membiarkan gejala buli daripada terus berlarutan di ALK.

Titah Sultan Ibrahim, ini kerana buli bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan pelajar tetapi juga mencemarkan reputasi institusi pengajian tinggi di negara ini.

“Kes buli di ALK UPM bukan pertama kali dilaporkan berlaku, malah sebelum ini sudah terjadi beberapa kali sehingga meragut nyawa.

“Di dalam pasukan tentera latihan keras adalah perkara biasa



SULTAN Ibrahim berkenan menerima menghadap Menteri Pertahanan, Mohamed Khaled Nordin di Istana Negara.

bertujuan membina kekentalan mental dan jiwa yang kuat dan bukan ke tahap buli atau menyeksa seseorang itu sehingga mendatangkan kecederaan fizikal

atau meragut nyawa. Ini tindakan tidak berperikemanusiaan,” titah baginda.

Dalam pada itu, Menteri Pendidikan Tinggi, **Datuk Seri**

Dr Zambry Abdul Kadir berkata, pihaknya memandang serius kejadian buli yang dilaporkan berlaku di UPM.

“Saya minta kerjasama semua pengurusan universiti tidak mengambil ringan berhubung kes-kes berkaitan buli ini.

“Walaupun sehingga setakat ini kita belum dapat apa-apa laporan atau kes yang terkait dengan UPM berlaku di universiti-universiti lain, namun ia perlu tindakan proaktif bagi memastikannya (kejadian buli) tidak berlaku,” katanya.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, **Fadhilina Sidek** berkata, Kementerian Pendidikan (KPM) menangani setiap aduan melibatkan kes buli di sekolah berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kementerian itu.

“Aduan buli ini kita tangani mengikut SOP dan kebanyakan selesai dalam tempoh yang ditetapkan, ini yang kita mahu iaitu

aduan tersebut sampai kepada pihak kita.

“Jadi kita boleh sertakan data, ambil tindakan intervensi serta-merta dan memastikan keadilan dapat diberikan pada semua pihak. Kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang tegas dalam soal buli ini,” katanya.

Fadhilina turut mengingatkan agar kepimpinan tertinggi pentadbir sekolah untuk tidak menyembunyikan sebarang kes berkaitan buli yang berlaku dalam kalangan murid.

“Kita ada terima laporan (berkenaan pimpinan tertinggi menyembunyikan kes buli di sekolah) dan kita tidak melihat ia sebagai satu perkara yang perlu disembunyikan.

“Kita akan ambil tindakan tegas kepada pimpinan pentadbir sekolah yang bertindak menyembunyikan kes ini kerana kita tidak mahu pihak sekolah tidak mematuhi garis panduan kita,” ujarnya. 



PMX DISAMBUT MESRA PEMIMPIN DUNIA



Foto: **FATHRIZAL & AFIQ HAMBALI**/Pejabat Perdana Menteri

KEHADIRAN Perdana Menteri (PMX), Datuk Seri Anwar Ibrahim di negara-negara luar antaranya China, Arab Saudi, Mesir, Peru dan Brazil dalam satu rangka lawatan kerja rasmi telah disambut mesra dan penuh hormat oleh setiap pemimpin negara tersebut.

Setiap negara yang disinggah telah dirancang teliti hala tujuanya agar dapat membawa impak positif dan secara tidak langsung bakal memberikan manfaat yang besar kepada rakyat Malaysia.

Latar berbeza setiap negara yang terkandung dalam rangka lawatan kerja PMX menunjukkan bahawa setiap satunya akan memberi impak berbeza dan ini menggambarkan bahawa pentadbiran PMX begitu komited merealisasikan perancangan untuk meletakkan Malaysia ke satu tahap yang belum pernah dicapai oleh pentadbiran sebelum ini.

Ruang LENSAs kali ini menghimpunkan momen-momen PMX sepanjang siri lawatan kerjanya di persada antarabangsa.





MENGOPI DENGAN KUDA

DIANA AMIR

Foto: SYUQREE DAIN

Video: HASIF HALIMI

SELAIN terkenal dengan taman-taman awamnya yang cantik, Putrajaya juga menawarkan lokasi tersembunyi yang sesuai untuk mengopi sambil *healing* bersama keluarga atau rakan-rakan terutama pada hujung minggu.

Mempunyai reka bentuk seakan kandang kuda menjadikan Ekues Cabin Cafe antara lokasi tumpuan pelancong luar dan dalam negara sejak ia mula dibuka semula pada Julai lalu.

Menurut pemiliknya, **Mohd Iqbal Kamaruddin**, 34, bertepatan dengan lokasinya, Ekues Cabin Cafe mengetengahkan konsep kandang kuda dari sudut luaran manakala di sebelah dalam pula dekorasinya seakan tempat peralatan kuda (*tack room*).

“Untuk hiasan dalaman, pelanggan boleh lihat peralatan seperti pelana, kasut but, topi keledar dan banyak lagi kelengkapan untuk menunggang kuda serta aksesori untuk haiwan tersebut yang digunakan sebagai dekor. Ia diibaratkan sebuah bilik untuk persalinan kuda.

“Di sini juga pelanggan boleh menikmati makanan sambil melihat kuda dan sekiranya terdapat penganjuran acara berskala besar, mereka boleh melihat pelbagai spesies dan mengenali jenis-jenis baka kuda dari luar negara juga. Pasti ada pengunjung yang akan jatuh cinta dengan sukan berkuda selepas melihat aksi penunggang mahir dan juga sifat haiwan yang menjadi haiwan kesayangan Rasulullah SAW ini.

“Selain itu, kita juga mengekalkan konsep *outdoor* di mana terdapat pokok besar yang boleh melindungi pelanggan daripada terik matahari dan boleh jadi port *healing* terbaik mereka dengan berlatarkan padang polo yang luas,” ujarnya yang mempunyai pengalaman selama lima tahun di dalam industri



EKUES kini dibuka semula dengan wajah baharu dan menawarkan lebih keselesaan kepada pelanggan.

makanan dan minuman (F&B).

Mengulas lanjut, Mohd Iqbal berkata idea dan konsep bagi wajah baharu Ekues Cabin Cafe adalah daripada pihaknya sendiri dan turut melantik pereka bentuk pihak luar bagi menambah baik motif yang cuba disampaikan kepada pelanggan.

“Konsep tersebut dipilih kerana kami ingin menyampaikan *vibe* atau tenaga sukan berkuda ini sebagai *dining experience* kepada pelanggan sekali gus menunjukkan peranan Ekues bukan sahaja sebagai sebuah kafe tetapi juga tempat untuk mendekatkan lagi masyarakat dengan dunia berkuda.

“Ramai yang masih skeptikal bahawa sukan berkuda adalah untuk golongan elit sahaja malah masih ada yang beranggapan bahawa Taman Equestrian Putrajaya (TEP) ini adalah kawasan

persendirian atau *clubhouse* seperti di Bukit Kiara.

“Di sini juga Ekues Cabin Cafe memainkan peranan untuk menangkis semua prasangka itu dengan menguar-uarkan bahawa TEP sebenarnya adalah salah satu taman awam di pusat pentadbiran ini dan ia terbuka kepada orang ramai.

“Pada awalnya kita hanyalah ibarat kantin untuk para *groomer* di TEP ini di mana selepas itu kita jadinya kabin yang lebih besar serta lebih sesuai untuk masyarakat luar dan kini sudah mempunyai dua tingkat di mana pelanggan boleh memilih untuk duduk di dalam atau di luar kafe,” ujarnya.

MAKANAN BERKONSEP

MESKIPUN sudah berwajah baharu namun Ekues Cabin Cafe

masih mengekalkan ‘culture’nya sebagai satu *pit stop* kepada para penunggang kuda sebelum atau selepas melakukan aktiviti.

Mohd Iqbal berkata, justeru itu pihaknya mengetengahkan menu berkonsepkan *pre/post workout friendly*.

“Kami menggabungkan barat dan Asia untuk menu yang ditawarkan dan antara yang menjadi pilihan pengunjung adalah nasi padang polo, spaghetti carbonara, spicy stack toast, mushroom soup with garlic toast, pony sweet french toast dan banyak lagi serta pelbagai minuman kopi dan *refresher*.

“Pihak kami masih dalam usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk menambah menu-menu unik di Ekues Cabin Cafe,” katanya.

Dalam pada itu, Mohd Iqbal turut berharap agar jenama Ekues ini akan



terus terpacu di hati pelanggannya.

“Untuk masa akan datang, saya nak jenama Ekues ini dikenali dengan elemen kuda di mana makanan dan minuman di sini mempunyai keunikan tersendiri agar nama ini boleh bertapak di mana sahaja bukan hanya di tepi padang polo,” ujarnya. 

TANDA ARAS MULTIDIMENSI UKUR KEMISKINAN ASNAF

DR MUHAMMAD NOORAIMAN ZAILANI

ISU kemiskinan amat sukar untuk dihapuskan dan menjadi ancaman besar kepada masyarakat, terutamanya di negara membangun. Definisi dan alat pengukuran kemiskinan boleh mempengaruhi reka bentuk dasar serta program antikemiskinan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Ahli-ahli ekonomi bersependapat bahawa aspek kemiskinan tidak boleh dilihat hanya menerusi satu dimensi seperti kewangan semata-mata kerana pergantungan terhadap pendekatan kewangan dalam pengukuran kemiskinan tidak mampu menggambarkan sepenuhnya sifat kemiskinan yang bersifat multidimensi.

Kemiskinan bukan sahaja melibatkan kekurangan pendapatan, tetapi juga ketidakupayaan untuk mengakses perkhidmatan asas seperti pendidikan, kesihatan dan infrastruktur yang mencukupi. Oleh itu, pendekatan yang lebih menyeluruh

diperlukan untuk memahami kemiskinan dalam konteks yang lebih luas.

Seiring dengan usaha untuk menganalisis kemiskinan dari perspektif multidimensi, Indeks Kemiskinan Multidimensi (IKM) global telah diperkenalkan pada tahun 2010 melalui kerjasama antara inisiatif Oxford untuk Kemiskinan dan Pembangunan



PENSYARAH
DI JABATAN
EKONOMI, FAKULTI
PERNIAGAAN
DAN EKONOMI,
UNIVERSITI MALAYA

Manusia dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

IKM global ini bertujuan untuk menilai kemiskinan akut di peringkat global dan menyokong Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) sebelum ini serta selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) yang lebih terkini. IKM global mengukur kemiskinan dengan menilai tiga dimensi utama termasuk kesihatan, pendidikan dan taraf hidup dengan menggunakan 10 indikator.

Pada tahun 2015, IKM Malaysia telah dibangunkan selaras dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), yang merupakan pelan pembangunan lima tahun yang komprehensif dan berfokus tinggi, dijadualkan untuk dilaksanakan dari tahun 2016 hingga 2020.

Pengenalan IKM ini mencerminkan komitmen Malaysia dalam menangani kemiskinan dari perspektif yang lebih luas, bukan hanya berdasarkan aspek kewangan, tetapi juga dimensi lain yang mempengaruhi kualiti hidup rakyat.

Matlamat utama pembangunan IKM Malaysia adalah untuk merangka satu kerangka kerja yang menyeluruh bagi menilai kemajuan golongan berpendapatan rendah di negara ini, dengan tujuan utama membantu mereka mencapai taraf hidup yang lebih baik dan akhirnya mencapai status kelas pertengahan.

Melalui pendekatan ini, kerajaan dapat mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh golongan miskin dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, kesihatan dan taraf hidup,



PENDEKATAN lebih menyeluruh diperlukan untuk memahami kemiskinan dalam konteks yang lebih luas. - Gambar hiasan

serta merangka strategi intervensi yang lebih berkesan dan disasarkan. IKM ini juga sejajar dengan aspirasi RMK-11 untuk memastikan pertumbuhan yang inklusif, di mana manfaat pembangunan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang ekonomi.

ISLAM AGAMA HOLISTIK

ISLAM amat prihatin terhadap isu kemiskinan. Sebagai agama yang holistik dan merangkumi semua aspek kehidupan, Islam menyediakan garis panduan serta piawaian yang jelas dalam perkara ini. Perbincangan mengenai ekonomi pembangunan dan aspek kemiskinan dalam Islam tertumpu kepada konsep maqasid syariah.

Maqasid syariah merujuk kepada objektif atau matlamat utama yang ingin dicapai melalui hukum-hukum Islam termasuk pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menurut perspektif Islam, kemiskinan merangkumi bukan sahaja kekurangan material tetapi juga aspek bukan material seperti kualiti kehidupan dan tahap keimanan.

Dalam konteks yang lebih luas, terbukti bahawa konsep kemiskinan multidimensi dari perspektif konvensional moden berkait rapat dengan maqasid syariah, kerana elemen kemiskinan multidimensi turut menyumbang kepada pemeliharaan elemen maqasid syariah. Bagaimanapun, pengukuran kemiskinan multidimensi menurut aliran konvensional moden perlu disesuaikan agar garis panduan syariah dan prinsip Islam dapat digabungkan secara konseptual dan kuantitatif.

Menurut perspektif Islam, institusi zakat memainkan peranan yang amat penting dalam mengenal pasti golongan asnaf

fakir dan miskin serta mengagihkan dana zakat kepada penerima yang layak. Institusi zakat bertanggungjawab bukan sahaja dalam mengurus kutipan zakat, tetapi juga memastikan bantuan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Pada masa ini, institusi zakat menggunakan kaedah Had Kifayah sebagai pendekatan kewangan utama untuk menilai kelayakan penerima zakat. Had Kifayah berfungsi sebagai satu garis panduan yang menentukan tahap pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah keluarga untuk memenuhi keperluan harian asas mereka.

Kaedah ini dikira berdasarkan beberapa pemboleh ubah seperti umur, bilangan ahli keluarga, lokasi tempat tinggal dan faktor-faktor lain yang relevan. Contohnya, keperluan harian asas yang dinilai mungkin meliputi kos makanan, tempat tinggal, pakaian dan perkhidmatan asas seperti pendidikan dan kesihatan.

Sekiranya pendapatan bulanan sesebuah keluarga tidak mencukupi untuk memenuhi piawaian minimum ini, ahli isi rumah tersebut akan diklasifikasikan sebagai asnaf fakir atau miskin. Klasifikasi ini membolehkan institusi zakat memberikan bantuan yang sewajarnya dan memastikan sumber zakat diagihkan secara adil dan berkesan kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Tidak dinafikan bahawa kaedah Had Kifayah ini sangat bermanfaat dalam menilai keperluan kewangan. Namun, kaedah ini tidak sepenuhnya mencerminkan kemiskinan dari perspektif yang lebih luas seperti kekurangan akses kepada pendidikan, kesihatan yang baik atau akses kepada peluang pekerjaan.

Justeru, alat pengukuran kemiskinan dalam kalangan golongan asnaf fakir dan miskin perlu bersifat holistik, iaitu mengambil

“Pengenalan IKM mencerminkan komitmen Malaysia dalam menangani kemiskinan dari perspektif yang lebih luas.”

kira kedua-dua aspek kewangan dan bukan kewangan seperti pendidikan, kesihatan, akses kepada perkhidmatan asas dan kualiti hidup secara keseluruhan.

Penggunaan pengukuran kemiskinan multidimensi ini boleh melengkapi kaedah sedia ada iaitu Had Kifayah, dengan memberikan gambaran lebih mendalam tentang pelbagai dimensi kekurangan yang dihadapi oleh asnaf. Ini akan membantu pihak berwajib memahami profil asnaf secara menyeluruh, termasuk faktor yang mempengaruhi kesejahteraan mereka di luar aspek pendapatan. Seterusnya, maklumat ini boleh digunakan untuk merancang dan melaksanakan bentuk bantuan yang lebih tepat dan berkesan, seperti program peningkatan kemahiran, bantuan kesihatan atau sokongan psikososial.

Dengan pendekatan yang lebih menyeluruh ini, usaha membasmi kemiskinan dalam kalangan asnaf dapat disasarkan dengan lebih berkesan dan berimpak jangka panjang.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Pengusaha kraf tangan tradisional mahu martabatkan warisan Kadayan

TAKIDING MERENTAS ZAMAN

MESKIPUN zaman masa kini dalam arus kemodenan, seni anyaman bakul takiding suku kaum Kadayan terus diperjuangkan oleh seorang wanita warga emas agar kraf tradisional itu tak lapuk dek zaman.

Takiding merupakan salah satu kraf tangan yang menjadi identiti bangsa tanpa mengira apa jua bangsa sekalipun. Takiding menjadi kraf tangan yang dijadikan sebagai alat untuk mengangkut barang dan ini telah menjadi amalan oleh semua puak seperti kaum Kadayan, Dusun dan Iban di Borneo termasuklah Labuan.

Pengusaha Kraf tangan Tradisional, **Nuria Maksin**, 63, berkata penat atau bosan tidak pernah membayangi dirinya kerana dia nekad untuk memartabatkan tradisi itu supaya ia tidak hilang begitu sahaja.

Ujarnya, ilmu dalam membuat anyaman yang dipelajari sejak remaja daripada ibunya itu amat sehati dengan jiwanya dan boleh memberikan satu kepuasan kepadanya.

"Masa dahulu, semua benda perlu dibuat dengan tangan sendiri jika memerlukan seperti bakul anyaman ini kita perlu buat sendiri untuk kegunaan sendiri.

"Zaman dahulu tidak seperti sekarang yang boleh dibeli di mana-mana kedai atau pasar raya. Disebabkan kemudahan zaman dahulu tiada, di situlah keperluan ilmu anyaman membuat bakul takiding menjadi perkara wajib dipelajari oleh kaum wanita," ujarnya kepada Wilayahku di rumah kediaman di Kampung Kilan.

Tambahnya, dari segi pembuatan kraf tangan takiding adalah sama sahaja seperti takiding yang dibuat oleh suku kaum lain. Namun yang membezakan adalah dari segi rupa bentuk takiding itu sendiri mengikut tradisi kaum-kaum tertentu.



NURIA menunjukkan antara bakul takiding yang dihasilkan olehnya.

"Takiding kaum Kadayan ini mempunyai keunikan tersendiri kerana reka bentuk takiding itu sendiri lebih runcing dan menggunakan kayu rotan sebagai satu alat untuk mengukuhkan lagi ketahanan bakul tersebut.

"Proses pembuatan takiding ini tidak mengambil masa yang panjang untuk menyiapkannya. Ini tergantung kepada diri sendiri (pengusaha) dan tidak ditetapkan berapa lama untuk menyiapkan takiding.

"Adakalanya mengambil tempoh menyiapkan dengan jangka masa yang pendek jika ada si pembeli telah menempah. Takiding besar mengambil masa lima hari untuk disiapkan, manakala takiding kecil hanya mengambil masa tiga hari," katanya.

Ujarnya, bakul tersebut pada zaman dahulu digunakan untuk

pelbagai keperluan sama ada untuk menyimpan hasil kebun dan sebagainya namun pada masa ini keperluan itu diubah suai dan divariasikan dalam pelbagai bentuk dan saiz mengikut peredaran zaman.

"Sekarang bakul ini banyak fungsi, ada yang dijadikan sebagai hantaran, bakul buah-buahan, tempat letak barangan dapur dan ada juga yang dibentuk untuk dijadikan hiasan," ujarnya yang turut menghasilkan pelbagai bentuk variasi bakul anyaman dan beberapa kraf tangan berasaskan kulit kerang yang dijadikan sebagai cenderahati.

Bercerita lanjut mengenai perniagaannya secara sambilan itu, Nuria berkata dengan hasil jualan bakul anyaman dapat memberikan pendapatan tambahan yang mencukupi bagi menampung

perbelanjaan dia dan suami, 73, yang kini menghidap penyakit kronik dan hilang kemampuan.

Ujarnya, selain menghasilkan bakul takiding seperti berbentuk beg sandang, dia turut membuat pelbagai bakul anyaman seperti mini bakul untuk digunakan cenderamata dan dulang anyaman mengikut kehendak pelanggannya.

"Setiap produk yang saya hasilkan dijual dengan permulaan harga sekitar RM7 hingga ke RM100 untuk bakul anyaman dan kraf tangan kerang sahaja mengikut jenis dan corak anyaman.

"Untuk harga bakul anyaman takiding pula harga bermula RM130 ke atas kerana pembuatan takiding yang saya hasilkan menggunakan kayu rotan yang mana bahan tersebut boleh diperolehi di Sabah sahaja dan ianya menelan kos perbelanjaan yang agak besar

berbanding anyaman bakul-bakul lain yang hanya menggunakan anyaman tali plastik.

"Selain itu, bahan plastik anyaman yang kami (pengusaha kraf tangan) gunakan susah didapati di Labuan kerana bahan tersebut perlu diambil di Sabah. Sekiranya saya ke Sabah, barulah saya dapat membeli bahan tersebut dan adakalanya saya meminta pertolongan rakan-rakan pengusaha untuk membeli bahan itu.

"Disebabkan untuk mendapatkan bahan tersebut agak memakan masa dan modal, menyebabkan industri kraf tangan di Labuan ini tidak dapat dikembangkan," ujarnya.

Ibu kepada lapan orang anak ini berkata sejak 2020 hingga kini dia hanya aktif mengikuti program jualan sahaja seperti penganjuran program kerajaan untuk mempromosikan produk kraftangannya susulan kekangan dari segi pengangkutan dan tidak mempunyai keupayaan menyewa kedai atau lot untuk mengembangkan perniagaannya.

Ujarnya, dia melihat industri kraf tangan di Labuan ini mempunyai potensi yang besar dan sering menerima permintaan tinggi daripada pelanggan tempatan mahupun luar Labuan namun kadar penglibatan pembuatan kraf tangan anyaman tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan sedia ada.

"Permintaan itu sentiasa ada lebih-lebih lagi ketika berlangsungnya program-program besar seperti Borneo Art Festival baru-baru ini di mana saya memperolehi ratusan ringgit daripada hasil jualan kraf tangan dalam tempoh dua hari sahaja.

"Niat untuk membesarkan lagi perniagaan kraf tangan ini memang ada, namun saya tidak berkemampuan kerana harus menjaga suami saya yang kini sedang telantar sakit," ujarnya. 📌

Dron jana pendapatan pesawah

MAHU memanfaatkan teknologi serta berhasrat meringankan kos pesawah setempat, menjadi pencetus idea kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Tebuk Haji Dollah, di sini, menjalankan perkhidmatan penggunaan dron kepada pengusaha pertanian di kawasan itu sejak September lalu.

Pengerusi JPKK Kampung Tebuk Haji Dollah, **MOHD ARSHAD SABRI**, 43, berkata perkhidmatan itu mampu menjana pendapatan lumayan memandangkan terdapat kira-kira 400 hektar kawasan penanaman padi diusahakan lebih 90 peratus penduduk di kampung terbabit.

"Idea untuk menjalankan perkhidmatan dron ini tercetus

selepas kami sendiri sebagai pesawah sukar mendapatkan perkhidmatan tenaga manusia untuk membantu dalam melancarkan proses meracun, membaja dan menabur benih padi melalui kaedah konvensional.

"Di sini, kami melihat masalah itu sebagai peluang yang harus digunakan sebaiknya untuk membantu melancarkan urusan penanaman padi penduduk dengan lebih efisien sekali gus menjana pendapatan buat komuniti," katanya.

JPKK Kampung Tebuk Haji Dollah merupakan antara komuniti yang berjaya memperoleh geran berjumlah RM100,000 melalui Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI)

disalurkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Inisiatif yang digerakkan JPKK Kampung Tebuk Haji Dollah melalui perkhidmatan itu menjadi sebutan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober lalu.

Pada pembentangan itu Perdana Menteri berkata kerajaan akan memperuntukkan keseluruhan berjumlah RM1 bilion bagi Program SejaTi MADANI dan inisiatif itu bakal diperhebat dengan jalinan kerjasama yang lebih meluas membabitkan pengurusan tertinggi jabatan untuk mengetuai ikhtiar Kampung Angkat MADANI. — BERNAMA



MOHD ARSHAD sedang memasang bateri dron sebelum menerbangkannya di sekitar Kampung Tebuk Haji Dollah.

ZULKIFLI SULONG

SEBAGAIMANA biasa, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PMX) mempunyai jadual yang amat padat minggu lalu. Beliau berkejar ke sana sini seolah-olah beliau tidak cukup masa untuk bersantai-santai.

Ada yang berkata, beliau terpaksa berbuat demikian kerana telah habis terlalu banyak masa secara sia-sia sebelum ini. Jadi untuk

menebusnya kembali, beliau terpaksa berlari ke sana dan sini. Hatta di Rio De Janeiro, Brazil pun beliau terpaksa berlari.

Minggu lalu, Anwar memulakan perjalanannya ke China, bertemu dengan pemimpin utama negara kuasa ekonomi baru dunia itu di samping beberapa perkara penting yang lain.

Selepas itu, beliau ke Mesir, negara paling tua di dunia. Di Mesir, beliau bertemu dengan Presiden Mesir, Abdel-Fattah al-Sisi. Di samping itu, buat julung kalinya bagi pemimpin Malaysia, beliau memberikan syarahan di Universiti Al-Azhar kepada pelajar Malaysia dan pemimpin di universiti Islam tertua di dunia itu.

Selepas selesai di Mesir, beliau ke Arab Saudi bagi menyertai Sidang Kemuncak Luar Biasa Arab dan Islam di Riyadh, Arab Saudi.

Di persidangan ini, Anwar menyeru masyarakat dunia untuk membina kesepakatan bagi menggantung atau menyingkirkan Israel daripada keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Selepas di Saudi, Anwar terbang ke Peru, bagi membuat lawatan rasmi sulung beliau ke benua Amerika Selatan.

Di sana, Anwar menghadiri Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC (AELM) ke-31 dan bertemu dengan Presiden Peru serta mengadakan perbincangan meja bulat dengan kapten industri Peru.

Anwar juga menghadiri Sidang Kemuncak CEO APEC 2024 dan mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawat dari Jepun dan New Zealand.

Ketibaan beliau menerusi pesawat khas di Pangkalan Tentera Udara Peru disambut oleh Duta Besar Malaysia ke Republik Peru, Ahmad Irham Ikmal Hisham.

Manakala kerajaan Peru pula diwakili oleh Menteri Pengeluaran, Sergio González Guerrero; Ketua Protokol Kementerian Luar Peru, Luis Escalante Schuler serta Panglima Pangkalan Udara, Jeneral Julio Cesar Gutierrez.

Mengiringi beliau dalam pesawat sama dari



BIARPUN di celah-celah kesibukan dan jadual padat, PMX sempat meluangkan masa berjalan santai bersama delegasi Malaysia di Rio de Janeiro.

PMX BERLARI KE SELURUH DUNIA

Kaherah, Mesir adalah Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Di Peru, Anwar menerima anugerah tertinggi negara itu yang biasanya diterima oleh pemimpin utama negara di dunia termasuk Maharaja Jepun dan Raja England.

Anwar menerima penghormatan tertinggi Peru, El Sol Del Peru yang bermaksud 'Mentari Peru', yang menjadikannya satu lagi pengiktirafan antarabangsa kepada Malaysia.

Anugerah berprestij ini adalah penghormatan sivil tertua di benua Amerika, yang diwujudkan pada 1821 selepas Peru mencapai kemerdekaan dari Sepanyol, menjadikannya simbol bersejarah dalam diplomasi antarabangsa.

Anugerah berprestij berkenaan disampaikan Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zegarra ketika pertemuan di Istana Kerajaan Peru.

Selepas selesai di Peru, Anwar ke Brazil pula, yang merupakan lawatan rasmi sulung PMX ke negara berkenaan.

Beliau berada di Rio de Janeiro dari 16 hingga 19 November sempena lawatan rasmi atas jemputan Presiden Brazil, Luiz Inácio Lula da Silva dan sebagai negara tetamu di forum

antara kerajaan Sidang Kemuncak Kumpulan 20 (G20).

Brazil dilaporkan teruja untuk bekerjasama dengan Malaysia berikutan reputasi Malaysia sebagai hab semikonduktor terkenal dunia dan ekosistemnya yang komprehensif serta kedudukan negara sebagai pengeksport semikonduktor keenam terbesar di dunia.

"Walaupun kami dari negara yang jauh, potensinya amat besar. Brazil adalah salah satu tonggak ekonomi Amerika Latin dan ia menawarkan peluang yang sangat besar (untuk syarikat Malaysia) semasa pembinaan semula ekonomi negara ini," kata Anwar semasa mesyuarat meja bulat dengan wakil industri semikonduktor dan pemimpin perniagaan di Rio de Janeiro.

Di Rio de Janeiro lah, PMX dilihat berlari bersama-sama dengan Tengku Zafrul, Menteri MITI dan para pegawai beliau. Ia berlaku di celah-celah kesibukan dan jadual padat beliau bermula di China sehinggalah di Brazil.

Anwar selamat tiba di tanah air pada Rabu 20 November selepas mengadakan lawatan ke Mesir, Arab Saudi, Peru dan Brazil bermula 9 November.

Pesawat yang membawa Anwar tiba di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pada kira-kira 11.40 pagi.

Ketibaan Anwar dan delegasi disambut Setiausaha Politik Kanan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Md Akin dan para penyokong.

Lawatan tersebut dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperkukuh kerjasama strategik dan menjana potensi pelaburan besar bagi Malaysia.

Perdana Menteri turut membawa pendirian Malaysia dalam memperjuangkan keadilan untuk Palestin serta mengecam kekejaman Israel di persada dunia selain menekankan bahawa Putrajaya tidak pernah mengiktiraf kewujudan negara Israel secara diplomatik.

Ketika Anwar berlari ke sana sini untuk negara, apakah kita masih bergerak secara santai dan perlahan-lahan sahaja untuk negara?

Ketika ada yang mempermainkan beliau ketika tersebar video PMX berlari memasuki Dewan Rakyat di Parlimen, kini terbukti sebenarnya Anwar sememangnya berlari ke seluruh dunia bukan ke Dewan Rakyat sahaja.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Jambatan Labuan-Menumbok



Bayar pinjaman PTPTN

JIKA perancangan menjadi, Labuan bakal dihubungkan dengan tanah besar Sabah melalui jalan darat dengan pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok. Pada masa ini hubungan di antara kedua-duanya menggunakan perkhidmatan feri dua kali sehari, memakan masa satu jam perjalanan.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini merupakan langkah positif mengeratkan hubungan Labuan dan Sabah. Pada masa sama ia memudahkan pergerakan dan perjalanan juga jadi lebih cepat.

Apabila menjadi kenyataan, Labuan yang asalnya sebahagian negeri Sabah dan menjadi Wilayah Persekutuan pada 1984, akan mirip Pulau Pinang yang

dihubungkan dengan tanah besar melalui pembinaan jambatan pertama yang dibuka pada 1985 dan jambatan kedua pada Mac 2014.

Difahamkan kajian teknikal pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok akan dimulakan tahun hadapan. Ia diterajui oleh Pasukan Khas Jambatan Labuan-Sabah, di bawah seliaan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).

Difahamkan JWP telah memperoleh peruntukan RM500,000 bagi melaksanakan kajian teknikal awal. JWP akan memantau perkembangan dengan teliti walaupun pelaksanaannya nanti akan diserahkan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR).

ADAT meminjam, bayar kembali pada masa dijanjikan. Bayar secara penuh atau menurut jadual ditetapkan, yang penting jangan sengaja enggan bayar atau buat-buat lupa.

Ini reaksi kawan-kawan Kedai Kopi apabila membaca laporan 2.7 juta pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) belum dibayar melibatkan tunggakan RM32 bilion. Sehingga tahun lepas PTPTN meluluskan 3,951,404 pinjaman dengan jumlah RM71 bilion.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir, sebanyak 2.8 juta pinjaman atau 72 peratus diberi kepada pelajar Bumiputera sementara 1.1 juta pinjaman atau 28 peratus pelajar bukan Bumiputera.

Tiada kuota dalam pemberian. Semua

pelajar rakyat Malaysia yang dapat tempat di universiti awam dan swasta serta politeknik layak memohon. Antara syarat pinjaman ialah membayar balik matam pengajian menurut jadual ditetapkan.

Hanya yang memperoleh ijazah kepujian kelas pertama dikecualikan daripada membayar. Ini sebagai dorongan kepada pelajar agar cemerlang. Namun apa yang berlaku ialah begitu ramai tidak membayar balik, melibatkan jumlah yang besar. Perlu diingat bayaran balik ini adalah tabung pusingan yang akan digunakan semula untuk memberi pinjaman kepada pelajar lain.

Kegagalan membayar balik boleh mengganggu PTPTN. Bagaimanakah ia mampu untuk terus memberi pinjaman? Hakikat ini mesti disedari oleh para peminjam.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selamat tiba di tanah air lewat pagi Rabu selepas 11 hari mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan diplomatik ke beberapa negara.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menghadiri Perasmian Persidangan 'Water Loss Asia 2024' yang diadakan di Hotel Chulan, Kuala Lumpur.



Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil hadir menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) baru-baru ini.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan dua hari ke China pada 18 dan 19 November 2024.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan pada Selasa.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar merasmikan Muzakarah Kebangsaan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Malaysia Tahun 1446H/2024M di Kuala Lumpur.


SEMINGGU



PERCUMA!
Dengan baucar
DELIMA

PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.



LABUAN berupaya menarik lebih banyak pelaburan dan membina masa depan yang baik buat penduduknya.

Terima RM50 juta dalam Bajet 2025

FOKUS INFRASTRUKTUR, ALAM SEKITAR

KHAIRUL IDIN

MENERUSI Belanjawan 2025 yang memperuntukkan sejumlah RM50 juta kepada Labuan memperlihatkan usaha secara berterusan Kerajaan Persekutuan untuk mengukuhkan pembangunan infrastruktur dan pengurusan alam sekitar.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Kewangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), **Dr Jaludin Janteng**, peruntukan tersebut merupakan satu langkah penting dalam memastikan pembangunan infrastruktur yang mampan untuk penduduk pulau itu.

Katanya, daripada jumlah peruntukan tersebut Labuan turut menerima sebanyak RM32.917 juta digunakan untuk tujuh projek utama yang memfokuskan kepada peningkatan infrastruktur dan pengurusan alam sekitar.

"Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying yang telah mengadakan lawatan kerja ke Labuan baru-baru ini memaklumkan bahawa peruntukan tambahan itu bagi projek-projek menaik taraf Jambatan Kampung Patau-Patau Satu, pembinaan sel pelupusan sisa sanitari dan penambahbaikan loji rawatan air larut resap.

"Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja mencerminkan komitmen kerajaan untuk memperbaiki infrastruktur malahan juga menunjukkan usaha secara berterusan dalam menangani cabaran alam sekitar di Labuan.

"Bagi saya, projek menaik taraf Jambatan Patau-Patau Satu adalah langkah penting kerana

jambatan ini menjadi nadi kepada komuniti setempat malahan kepada pengunjung luar.

"Penambahbaikan ini bukan sahaja meningkatkan keselamatan pengguna tetapi juga menyokong aktiviti ekonomi harian," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jaludin menjelaskan projek pembinaan sel pelupusan sisa sanitari adalah langkah tepat bagi menangani isu pengurusan sisa pepejal di pulau ini secara lebih sistematik.

Katanya, Labuan memerlukan pengurusan sisa yang lebih sistematik dan teratur untuk melindungi alam sekitar sekali gus dapat menjamin keselamatan serta kesihatan warga di pulau itu.

"Penambahbaikan loji rawatan air larut resap turut memainkan peranan penting dalam memastikan sumber air bersih terjaga. Loji rawatan itu sudah

tentu mampu meningkatkan keupayaan Labuan dalam menyediakan air bersih yang sangat penting untuk komuniti, sektor perniagaan dan industri.

"Usaha ini juga membuka peluang pekerjaan baru dalam sektor pengurusan air dan teknologi hijau, yang seterusnya dapat merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan," katanya.

Beliau meletakkan keyakinan dengan adanya infrastruktur yang lebih baik, Labuan berupaya untuk menarik lebih banyak pelaburan dan menyokong pembangunan mampan di pulau itu.

Jelasnya, projek-projek tersebut bukan sahaja berupaya untuk menyelesaikan cabaran semasa,

tetapi juga memainkan peranan penting dalam membina masa depan yang lebih baik untuk penduduk Labuan.

"Ia adalah langkah penting ke arah pembangunan yang lebih mampan. Peruntukan ini diharap dapat dilaksanakan secara berkesan untuk menyelesaikan cabaran infrastruktur dan alam sekitar di Labuan, sekali gus memperkukuh kedudukan Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang berdaya maju.

"Kita berharap peruntukan ini akan dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk dengan menyediakan kemudahan asas yang lebih baik dan perkhidmatan awam yang lebih efisien.

"Dengan sokongan kewangan yang kukuh, Labuan dapat terus berkembang sebagai pusat ekonomi yang dinamik dan menarik lebih banyak pelaburan domestik dan antarabangsa," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM50 juta untuk perbelanjaan mengurus bagi Labuan di bawah Belanjawan 2025, mengekalkan jumlah yang sama seperti Belanjawan 2024, dengan RM32.917 juta dikhaskan bagi tujuh projek pembangunan.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata antara projek pembangunan yang akan dilaksanakan membabitkan kerja-kerja menaik taraf Jambatan Patau-Patau Satu, pembinaan sel pelupusan sisa sanitari dan penambahbaikan loji rawatan air larut resap.

Lim menjelaskan menerusi peruntukan tersebut mencerminkan komitmen berterusan kerajaan untuk menambah baik infrastruktur pembangunan dan menangani cabaran alam sekitar di Labuan. 

JPS siap siaga hadapi monsun

JABATAN Perparitan dan Saliran (JPS) Labuan giat melaksanakan beberapa Projek Outfall Spiral Pipe di kawasan yang dikenal pasti sebagai langkah mengatasi banjir khususnya pada fenomena Monsun Timur Laut dan air laut pasang dalam.

Menurut Pengarah JPS Labuan, **Juniaddi Awang Tuah**, sebagai persediaan untuk mengatasi fenomena tersebut pihaknya telah melaksanakan enam projek berkenaan termasuk dua projek yang sedang dibina di kawasan muara sungai di beberapa buah kampung yang terlibat dan dijangka siap pada tahun ini.

Katanya, sebanyak 18 kawasan telah dikenal pasti berpotensi berlakunya banjir termasuk Kampung Batu Manikar, Kampung Pohon Batu, Kampung Sungai Labuan dan Kampung Lubok Temiang.

"Bagi tahun depan, pihak kami merancang untuk menambah beberapa lagi projek ini di kawasan yang dilihat mempunyai risiko dan perancangan itu juga bergantung kepada peruntukan yang diterima oleh JPS.

"Perancangan penambahan itu dilihat berdasarkan keadaan di muara sungai di Labuan ini yang menghadapi masalah tersumbat dan pembinaan *outfall spiral pipe* ini amat diperlukan. Dengan pelaksanaan projek ini ia mampu mengurangkan risiko banjir kerana mempunyai sistem saliran yang lebih sistematik," katanya.

Tambahnya, dengan pelaksanaan projek itu pihaknya menerima maklum balas yang amat baik daripada masyarakat khususnya warga kampung yang terlibat kerana mampu mengurangkan risiko banjir yang teruk khususnya pada fenomena monsun timur laut.

Mengulas lanjut, Juniaddi turut memaklumkan sejumlah RM14 juta telah diperuntukkan kepada JPS Labuan bagi kerja-kerja pembangunan infrastruktur sepanjang tahun ini yang membabitkan penyelenggaraan dan pembersihan perparitan, sungai dan projek yang berkaitan bagi mengatasi masalah banjir di pulau itu.

Sebanyak 69 daripada 81 projek pembangunan pada tahun 2024 telah siap sepenuhnya manakala bagi projek kawalan banjir di Kampung Gersik sedang dilaksanakan menerusi projek pembinaan empangan pintu air dengan nilai anggaran RM8 juta dan dijangka siap pada awal tahun depan.

Katanya, projek pembinaan empangan pintu air itu mampu memberikan manfaat kepada penduduk di Kampung Gersik dan sekitarnya meliputi 18 hektar.

"Projek pintu air ini kami akan membina 10 pam yang mana setiap satu pam itu mampu mengeluarkan air sebanyak 1,000 liter per saat dan apabila projek ini telah siap sudah tentunya akan mengatasi banjir di kawasan ini," katanya. 



PELAKSANAAN Projek Outfall Spiral Pipe adalah langkah untuk mengatasi banjir.

Pengurusan sisa pepejal lebih efisien

TUKAR 4,858 TONG HIJAU

SABRINA SABRE

PERBADANAN Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bersama Alam Flora Sdn Bhd menyasarkan penukaran sebanyak 4,858 unit tong hijau bagi kegunaan sisa baki kepada tong baharu sehingga November 2025 di Putrajaya.

Menurut Naib Presiden (Perkhidmatan Bandar) Perbadanan Putrajaya (PPJ), **Nik Shukri Nik Soh**, inisiatif tersebut adalah salah satu usaha bagi meningkatkan kesedaran dan pembudayaan amalan kitar semula dalam kalangan semua pihak terutamanya generasi muda dan seluruh warga Putrajaya.

"Pertukaran tong sisa mudah alih (MGB) bersaiz 120 liter (warna hijau) merupakan inisiatif oleh SWCorp dan dilaksanakan syarikat konsesi Alam Flora untuk menggantikan tong yang lama manakala tong berwarna oren dibekalkan oleh PPJ.

"Tong hijau adalah bagi kegunaan sisa baki manakala tong oren untuk barangan kitar semula. Jumlah keseluruhan pertukaran tong hijau baharu bagi sesi 2024/2025 di Putrajaya adalah sebanyak 4,858 unit dan dijangka akan selesai pada November 2025.

"Bagi lokaliti Presint 10, sebanyak 38 jalan yang melibatkan 238 unit rumah teres bagi pertukaran tong tersebut," katanya semasa melancarkan Program Bulan Kitar Semula & Serahan Tong di Jalan P10A3, Presint 10, Putrajaya.

Beliau berkata, program penukaran tong sampah itu diharap bakal membantu meningkatkan



SEKITAR Program Bulan Kitar Semula & Serahan Tong di Jalan P10A3, Presint 10, Putrajaya.

tahap kebersihan dan kualiti hidup penduduk setempat.

"Program ini selari dengan visi kerajaan untuk memperbaiki pengurusan sisa pepejal di samping menggesa penduduk untuk terlibat secara aktif menjaga kebersihan persekitaran dan memanfaatkan sebaiknya tong sisa mudah alih yang telah diedarkan," ujarnya.

Nik Shukri berkata, amalan atau budaya kitar semula adalah perkara yang berkait rapat dengan pengurangan kesan pelepasan karbon selari dengan inisiatif bandar

hijau ke arah rendah karbon.

"Saya menyeru dan menyaran kepada semua, marilah kita bersama-sama menjadi *environmental game changer* ke arah menjamin persekitaran yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat dengan memaksimumkan amalan kitar semula, meminimalkan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan serta memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar semula dan dikomposkan.

"Ini amat penting supaya amalan

kitar semula terus dibudayakan dan menjadi amalan kehidupan seharian seterusnya melahirkan masyarakat yang menghargai dan mengutamakan kebersihan dan keindahan persekitaran di Putrajaya," ujarnya.

Nik Shukri berkata sejak tahun 2010 lagi, PPJ telah menyediakan Pusat Belian Semula (Putrajaya Buy Back Centre) atau Pusat Kitar Semula Komuniti yang memberi peluang kepada orang ramai khususnya warga Putrajaya untuk menjual barangan terpakai yang

tidak diperlukan lagi dan boleh dikitar semula.

"Selain itu, kita juga melaksanakan pelbagai inisiatif lain seperti 2 bin system iaitu penyediaan tong sampah domestik dan tong kitar semula untuk penduduk Putrajaya bagi menggalakkan pelaksanaan pengasingan sisa di punca.

"Untuk makluman, elemen kitar semula akan diterapkan di dalam reka bentuk rumah sampah yang baru nanti. Antara rumah sampah yang akan berwujud baru adalah di kawasan Perumahan Penjawat Awam 17RK1 Presint 17, Perumahan Penjawat Awam Fasa 1C Presint 16 dan Perumahan Penjawat Awam Fasa 3, Jalan P9G Presint 9," ujarnya.

Tambahan, pelbagai program dan aktiviti telah dirancang sepanjang bulan kitar semula ini, dimulai dengan Program Penyerahan Tong Baru dan berakhir dengan Karnival Hari Kitar Semula Putrajaya yang akan diadakan pada 23 November ini.

"Besarliah harapan saya agar pelaksanaan program seperti ini dapat membuahkan hasil dan manfaat yang diterjemahkan melalui kesedaran dalam diri betapa pentingnya menjaga aspek kebersihan serta amalan kitar semula setanding dengan negara-negara maju serta menyahut seruan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa bagi pelan tindakan hala tuju Wilayah Persekutuan, C.H.A.S.E City dan Putrajaya Bersih Setiap Tempat (BeST)," ujarnya.

100 majikan buka peluang pekerjaan

LEBIH 2,000 peluang pekerjaan ditawarkan sepanjang berlangsungnya Festival Idea Putrajaya anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) bermula 27 hingga 29 November 2024.

Menurut KPT, peluang pekerjaan berkenaan akan ditawarkan melalui Karnival Kerjaya MADANI dengan kerjasama MYFutureJobs yang membabitkan lebih 100 majikan daripada pelbagai industri antaranya AirAsia, Standard Chartered, Gentari, Bank Simpanan Nasional dan Malaysia Aviation Group.

"Karnival berkenaan turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kerjaya bagi meningkatkan peluang kejayaan dalam sesi temu duga.

"Temu duga secara terus turut ditawarkan bagi mereka yang berkecayaan," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam masa sama, KPT memberitahu karnival yang julung



SEKITAR Perasmian Festival Idea Putrajaya yang diadakan di IOI City Mall.

kali diadakan itu akan memanfaatkan individu yang mencari pekerjaan serta membuka peluang kepada pelajar tahun akhir pengajian tinggi bagi meneroka peluang pekerjaan apabila tamat pengajian sekali gus meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan.

Justeru, KPT menggalakkan orang ramai untuk membawa bersama salinan resume yang telah dikemas kini, sijil dan dokumen berkaitan selepas membuat pendaftaran di laman sesawang <https://eiscentre.perkeso.gov.my/careerfair/socsocareerfair/daftarjobseeker>.

Pemilik harta berdepan tindakan

PIHAK Perbadanan Putrajaya (PPJ) kini sedang menjalankan Operasi Sitaan terhadap pemilik harta yang gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran bermula November 2024.

Pemilik harta diingatkan untuk menjelaskan tunggakan cukai taksiran dengan segera bagi mengelakkan harta alih anda disita.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi talian **03-8887 7164** atau e-melkan pertanyaan melalui bppb@ppj.gov.my.

**PERINGATAN MESRA
SILA JELASKAN
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
ANDA DENGAN KADAR SEGERA**

- JELASKAN SEGERA dan elakkan:
 - Denda
 - Sitaan Harta Alih
 - Tindakan Undang-Undang
- Operasi **SITAAN** sedang dijalankan bermula November 2024
- Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian **03-8887 7164** atau e-melkan ke bppb@ppj.gov.my

**HARTA ALIH DI
PREMIS INI AKAN
DISITA**

Jom semak dan laksanakan tanggungjawab bersama!

Kejohanan Sepaktakraw Piala Asia 2025

MEDAN UJIAN SISTEM RANKING

SABRINA SABRE

PERSEKUTUAN Sepaktakraw Asia (ASTAF) mengesahkan penggunaan sistem ranking pada Kejohanan Sepaktakraw Piala Asia 2025 yang dijadualkan bermula 9 hingga 18 Mei di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Menurut Presiden ASTAF, **Datuk Abdul Halim Kader**, edisi sulung kejohanan sepak takraw lelaki Asia berkenaan juga bakal menjadi rujukan untuk pelaksanaan sistem ranking pada Sukan Asia Aichi-Nagoya 2026 di Jepun.

"Ketika perbincangan dengan Jawatankuasa Tertinggi Aichi-Nagoya baru-baru ini, mereka ada meminta kriteria sistem ranking. ASTAF akan membincangkan pelaksanaan untuk Sukan Asia supaya hanya negara yang mempunyai tahap tertentu boleh beraksi, kita tidak mahu negara yang baru mula berlatih terus masuk kerana ia boleh menurunkan standard sepak takraw.

"Kami telah menerima kriteria sistem ranking daripada jawatankuasa yang diketuai oleh Datuk Mohd Sumali Reduan. Piala Asia ini juga bakal menjadi medan ujian untuk Sukan SEA 2025 di Thailand yang dijadualkan pada Disember tahun depan," ujarnya.



MALAYSIA menjadi negara pertama memperkenalkan sistem ranking ketika Kejohanan Piala Dunia Sepak Takraw 2024.

Dalam masa sama, Abdul Halim yang juga Setiausaha Agung Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF) berkata Piala Asia adalah kejohanan pertama yang menetapkan pengesahan penyertaan dan senarai nama

beberapa bulan sebelum pertandingan.

Sebelum ini, ISTAF memberikan Malaysia penghormatan menjadi negara pertama untuk memperkenalkan sistem ranking dunia sukan itu ketika Kejohanan

Piala Dunia Sepak Takraw 2024 yang berlangsung di venue sama dari 19 hingga 26 Mei lepas.

Sementara itu, Mohd Sumali yang juga Presiden Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) berkata pihaknya telah menghantar

jemputan rasmi untuk menyertai Piala Asia kepada 16 negara dengan kebanyakannya terdiri daripada pasukan yang beraksi dalam Divisyen Premier Piala Dunia.

"PSM juga telah menjemput pasukan Divisyen 1 seperti Iran dan Taiwan yang mempamerkan prestasi baik pada Piala Dunia.

"Sekiranya ada negara yang tidak dapat menyertai atas sebab-sebab tertentu, kita akan jemput negara lain yang mempunyai standard tertentu kerana kita sasarkan penyertaan 16 pasukan. Empat acara akan dipertandingkan iaitu regu, regu berpasukan, beregu dan kuadran.

"Acara regu adalah wajib manakala setiap pasukan hanya boleh menyertai sama ada acara beregu atau kuadran. Kita anjurkan acara kuadran kerana dipertandingkan pada Sukan SEA dan Piala Raja Thai, manakala beregu tidak dipertandingkan," ujarnya.

Beliau berkata acara kuadran Piala Asia akan menjadi medan persediaan dan pengujian terbaik buat semua pasukan termasuk Malaysia menjelang dua pertandingan di Thailand itu. 

Tumpu bangun bakat baharu

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) akan menumpukan untuk membangunkan bakat-bakat baharu daripada empat jenis sukan yang dipertandingkan pada Sukan Olimpik bermula tahun depan.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata empat sukan itu ialah angkat berat, memanah, taekwondo dan menembak.

Beliau berkata Kementerian Kewangan juga telah bersetuju untuk menyediakan dana tambahan hampir RM1 juta untuk meneroka bakat baharu bagi setiap empat sukan disenaraikan itu.

"Kita rasa sukan-sukan berkenaan memerlukan suntikan dana. Kami sudah minta dana dari Kementerian Kewangan.

"Mereka telah beri hampir RM1 juta bagi setiap sukan bangun bakat dan cari pelapis baharu untuk memastikan kumpulan bakat yang lebih besar," katanya selepas sesi pascanilai Sukan Olimpik dan Paralimpik 2024.

Keempat-empat sukan terbabit belum pernah menyumbang pingat buat negara pada Sukan Olimpik setakat ini.

Dalam pada itu, Hannah berkata terdapat keperluan untuk mencari

bakat baharu dalam sukan berbasikal selain mahu melihat lebih ramai lagi penerjun wanita mewakili negara pada masa depan.

"Dalam acara terjun terutamanya tidak ada bakat baharu dan keperluan pengisian perlu supaya kita tidak bergantung pada beberapa atlet sahaja," ujarnya.

Berdasarkan senarai penerjun wanita dalam skuad kebangsaan ketika ini, hanya Datuk Pandelega Rinong dan Nur Dhabitah Sabri yang pernah beraksi di pentas Olimpik.

Pandelega muncul sebagai penerjun paling berjaya setakat ini selepas berjaya merangkul dua pingat pada Sukan Olimpik, masing-masing bagi edisi London 2012 dan Rio 2016.

Sementara itu, Hannah berkata pencarian bakat atlet para turut diberi perhatian dalam sesi pascanilai itu antaranya bagi olahraga dan berbasikal.

"Difahamkan, kita masih tidak dapat mencari pelapis untuk lontar peluru lelaki F20, Muhammad Ziyad Zolkefli. Bagi sukan berbasikal para pula jurulatih mereka maklumkan memang sukar dan perlu berusaha keras kerana memerlukan tujuh tahun untuk mempersiapkan atlet," ujarnya. 



HANNAH



SEKITAR aksi pemain dalam perlawanan yang berlangsung pada Sabtu.

10 pasukan rebut gelaran juara

BAGI mengeratkan lagi silaturahmi antara komuniti Bandar Tun Razak (BTR), buat julung kalinya Liga Bolasepak Veteran Komuniti MADANI-ESL Bandar Tun Razak diadakan bermula pada September sehingga Disember 2024.

Sebanyak 10 pasukan bakal bersaing untuk merebut gelaran juara pada kejohanan kali ini.

Liga ini juga menyaksikan penampilan semula beberapa bekas pemain kebangsaan yang pernah menyinari sukan bola sepak tanah air di era akhir 90-an antaranya Shahril Arsat yang mewakili BTR FC dan ramai lagi.

Pada Sabtu lalu, memasuki perlawanan ketujuh liga, menyaksikan pertembungan di

antara pasukan BTR FC dan EX Milomikasa yang berkesudahan seri satu sama hasil jaringan Shahril Arsat dan Shamsul Rizal Zairi.

Sebanyak empat pasukan terbaik akan memasuki pusingan separuh akhir dan aksi final dijadual berlangsung pada hujung Disember ini di mana juara bakal membawa pulang piala pusingan Datuk Azman.

Terdahulu, liga ini adalah inisiatif daripada Pengerusi Komuniti MADANI Parlimen BTR, Hanif Lokmanal Hakim yang juga Pengurus Pasukan BTR FC dan mendapat sokongan penuh daripada Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin. 

ORANG LAIN CUAL, ORANG LAIN TERKORBAN

DEEL ANJER

BIARPUN pelbagai kempen serta kesedaran dilaksanakan oleh kerajaan dan agensi berkaitan, namun masih wujud sikap pengguna jalan raya mengambil acuh tidak acuh soal keselamatan ketika memandu.

Bukan itu sahaja, masih terdapat segelintir pengguna jalan raya yang tidak mengambil iktibar daripada nahas yang berlaku.

Apa yang menyedihkan apabila mereka yang tidak bersalah menjadi mangsa dan kehilangan

nyawa. Tidak semena-mena, ini sekali gus memberi kesan kepada keluarga mereka.

Secara umumnya, kemalangan jalan raya di negara ini berpunca daripada tiga faktor iaitu sikap pemandu kenderaan dan penunggang motosikal, keadaan kenderaan serta keadaan jalan raya.

Artis popular seperti Aina Abdul, Nadeera dan Zaki Yamani antara artis yang cukup prihatin terhadap isu kemalangan jalan raya yang seolah-olah dipandang enteng oleh sesetengah pihak. 

Usah mengikut nafsu

BAGI penyanyi **Zaki Yamani**, antara punca kemalangan jalan raya adalah kecuiaan pemandu sendiri yang secara tidak langsung melibatkan kematian orang yang tidak bersalah.

"Sikap pemandu yang tidak berdisiplin sangat membahayakan orang lain yang menggunakan jalan yang sama. Bayangkan, disebabkan seorang yang cuai, mereka yang memandu secara berhemah pun boleh menjadi mangsa.

"Misalnya pemandu yang memandu di bawah pengaruh dadah dan alkohol adalah faktor utama dalam kemalangan yang membawa maut. Kenapa mesti memandu jika keadaan diri tidak bersedia? Ingat, jangan terlalu mengikut nafsu!

"Apabila kita dapati diri sendiri belum bersedia untuk memandu, janganlah berbuat demikian. Rehat, tenangkan diri dan pastikan diri dalam keadaan waras.

"Sanggupkah anda membahayakan nyawa orang lain hanya kerana kecuiaan anda ketika memandu dalam keadaan tidak mengizinkan. Perbuatan itu berisiko menjadikan seorang anak kehilangan ibu bapa, seorang isteri kehilangan suami dan sebagainya.

"Kalau benda hilang, masih boleh cari. Kalau nyawa melayang, nak ganti dengan apa? Jadi, fikir-fikirkanlah," katanya.

Anak kepada penyanyi legenda Datuk Jamal Abdillah ini juga melihat hukuman berat sesuai dikenakan kepada pesalah, namun ia tidak berbaloi dengan nyawa yang hilang.

"Mungkin ramai berpuas hati apabila pemandu cuai yang menyebabkan kematian dihukum sewajarnya. Namun, berbaloikah apabila kita melihat tangisan keluarga yang kehilangan orang tersayang?

"Jadi cegahlah sebelum berlaku. Tolonglah persiapkan diri sebelum memandu. Jangan pandang remeh hal ini kerana perkara yang dilihat kecil itulah menyebabkan nyawa orang lain hilang buat selama-lamanya," ujarnya. 



'Kawal emosi, berhemah'

BAGI penyanyi Bukan Lagi Kita, **Nadeera**, pengguna jalan raya perlu ada rasa tanggungjawab sebelum memulakan perjalanan.

"Jadilah pemandu yang berhemah. Patuhilah peraturan jalan raya terutamanya tidak memandu melebihi had laju. Jangan rasa selesa apabila laju kerana itulah yang menjadi punca kemalangan.

"Insya-Allah, walaupun tidak memandu laju, kita akan tetap sampai ke destinasi. Begitu juga, jika keletihan atau mengantuk, lebih baik berehat seketika di kawasan yang selamat seperti hentian rehat dan rawat," pesannya.


Nadeera yang juga finalis Anugerah Juara Lagu 39 ini mengingatkan agar pengguna jalan raya sentiasa mengawal emosi ketika memandu.

"Kalau ada rasa tak puas hati dengan mana-mana pengguna jalan raya yang lain, kawallah emosi tu. Janganlah terlalu ikut emosi yang akhirnya jadi tragedi yang menyayat hati.

"Tanamkan sifat sabar. Biarkan orang lain nak buat apa, pentingkan keselamatan diri dan orang-orang tersayang yang sedang bersama kita.

"Sifat sabar ini banyak hikmahnya. Itu yang Allah janjikan. Jadi, banyakkkan bersabar dalam banyak hal terutamanya ketika memandu di jalan raya.

"Di samping itu, patuhilah peraturan jalan raya. Jangan buat macam jalan kita seorang," tambahnya lagi. 



Dapatkan rehat secukupnya

PELANTUN lagu Puas Sudah, **Aina Abdul** menyarankan agar mana-mana pemandu mempersiapkan diri sebelum memulakan perjalanan sama ada jauh atau dekat.

Bagi finalis Anugerah Juara Lagu 39 ini, sebagai manusia biasa, kita tidak terlepas daripada kesilapan namun pencegahan adalah jalan terbaik agar semuanya selamat.

"Kes kemalangan jalan raya sangat mengerikan. Boleh dikatakan setiap hari kita dengar kes kemalangan dan apa yang menyedihkan apabila ia melibatkan kehilangan nyawa.

"Jadi untuk mencegah daripada berlaku kemalangan, pastikan kita amalkan tip perjalanan selamat.

"Sebelum memandu, dapatkan rehat secukupnya terutama sebelum memulakan perjalanan yang panjang. Rehat yang saya maksudkan seperti tidur apabila badan penat.

"Begitu juga jika emosi kita terganggu atau fikiran tak tenteram, rehatlah. Bagaimana cara nak rehatkan fikiran itu, masing-masing pasti punya cara tersendiri.

"Sekiranya tidak cukup rehat badan dan mental, elok ditangguhkan perjalanan. Mungkin kita rasa rugi atau membazir masa, itu lebih baik daripada berlaku sesuatu yang tidak kita ingini," katanya.

Aina juga menyarankan agar memanfaatkan kemudahan hentian rehat yang terdapat di mana-mana lebuhraya.

"Seelok-eloknya pemandu berhenti rehat setiap dua jam pemanduan untuk meningkatkan tahap kesegaran dan dapat memandu dengan fokus, cekap serta selamat.

"Sikap untuk cepat sampai ke destinasi antara penyumbang kepada kecuiaan terutamanya memandu laju dan sanggup memperjudikan keselamatan meskipun fizikal sudah keletihan serta mengantuk.

"Selain itu, perlunya rancang perjalanan. Periksa kenderaan, tengok selamat atau tidak untuk memulakan perjalanan.

"Kemudian, tengok kesesuaian pemilihan laluan. Sekarang mudah sebab dah ada teknologi untuk tahu laluan dan anggaran masa. Jadi tak adalah kelam kabut.

"Ini semua penting kerana rehat dan persediaan yang secukupnya diperlukan untuk mengelak kemalangan dan mengorbankan nyawa yang tidak bersalah," tambahnya lagi. 